# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 24 BILANGAN 10 | RABU 7HB MACH, 1979 | رابو 7 ربيع الاخير 1399 | PERCHUMA




PASOKAN Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang di-ketuai oleh Baginda telah menjadi juara sekali lagi dalam Perlawanan Polo Antarabangsa Brunei kali kedua yang telah berakhir pada hari Ahad 25hb Februari yang lalu dan berjaya menyimpan semula Piala Sultan yang di-korniakan oleh Baginda.

Di-samping itu, Pasokan Duli Yang Maha Mulia juga menjadi juara dalam tiga lagi achara perlawanan dan berjaya merebut Piala J. R. Harris, Piala Calatagan dan Piala Jerudong Park.

Gambar atas di-abadikan sa-lepas upachara penyampaian hadiah di-laksanakan.

Pengenalan gambar: (Dudok dari kanan) Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan (No. 6); DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri (No. 8); DYMM Baginda Sultan Pahang (No. 7); DYMM Tengku Ampuan Pahang (No. 5); DYTM Paduka Seri Begawan Sultan (No. 9); YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir (No. 4); YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah (No. 11); YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah (No. 3) dan YTM Tengku Abdul Rahman (No. 10).

Gambar2 sekitar perlawanan kejohanan polo itu di-siarkan di-muka 8 dan 13.

## SKIM KEMAJUAN PERANCHANGAN JALAN GADONG DI-LULUSKAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Menteri2 telah meluluskan Skim Kemajuan Peranchangan bagi sa-bahagian Jalan Gadong.

Pengerusi Pehak Berkuasa Kawalan Kemajuan mengumomkan pada minggu lalu bahawa kawasan yang berkenaan ia-lah bermula dari Jembatan Gadong hingga ka-Steshen Janakuasa Letrik Gadong bagi 500 ela dari sa-tiap tepi jalan yang berkenaan.

Beliau berkata Skim Peranchangan ini mengandongi sa-keping pelan dan peratoran yang boleh di-pereksa di-Jabatan Peranchang Bandar dan Desa bila2 waktu bekerja.

Pelan ini menunjokkan lengkongan penggunaan tanah yang telah di-luluskan untok kawasan yang berkenaan. Sa-bahagian besar dari kawasan itu ia-lah bagi kegunaan perusahaan sementara kawasan2 di-sebelah utara untok kegunaan perumahan.

Pelan itu juga menunjokkan chadangan sistem jalan yang telah di-reka bentok bagi menjamin supaya semua tanah2 itu akan mempunyai jalan masok. Chadangan sistem jalan itu juga termasok pembisaian Jalan Gadong dengan pembenaan jalan2 perkhidmatan (service roads) pada tiap2 tepi, sa-buah jalanraya utama, satu sistem jalan satu hala dan menghadkan bilangan jalan2 masok yang menuju ka-jalan besar.

Kata-nya Jabatan Kerja Raya berharap akan dapat memulakan pembenaan jalan perkhidmatan di-sebelah selatan dalam masa yang tidak berapa lama lagi.

Pelan itu juga menunjokkan kawasan yang sa-luas 13 ekar untok padang2 permainan yang akan di-majukan dan di-kawal oleh Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan.

Peratoran2 yang menemani skim ini menerangkan kawalan2 yang lengkap ka-atas kemajuan termasok-lah kawalan keluasan lantai, keluasan lot di-atas mana kemajuan2 akan di-bena, garisan bangunan, keperluan penarohan kereta dan kenderaan dan butir kegunaan2 tanah yang tertentu yang dapat di-benarkan di-dalam sa-tiap zon pengunaan tanah.

Peratoran ini juga memberi kuasa kapada Pehak Berkuasa pada menghendaki pemilek2 tanah supaya memelihara tanah mereka di-dalam keadaan berseh dan terator.

Beliau berkata, pemilek2 tanah yang ingin memajukan tanah2 mereka sa-laras dengan Skim Peranchangan

Lihat muka 20

## Keputusan pepereksaan Brunei-Camb. Perengkat "A" dan S'pura-Camb. Perengkat "O" Aliran Melayu

BANDAR SERI BEGAWAN.—Sa-ramai 25 orang penuntut dari Pusat Tingkatan Enam telah lulus dalam Pepereksaan Sijil Brunei/Cambridge perengkat lanjutan aliran Inggeris yang telah di-adakan pada tahun lalu.

Jumlah yang lulus itu ada-lah merupakan 11.70 peratus dari jumlah yang telah mendudoki pepereksaan berkenaan dengan mendapat sa-kurang2-nya dua mata-pelajaran perengkat tinggi dan dua mata-pelajaran perengkat biasa, manakala sa-lebeh-nya 83.49 peratus (177 chalun) telah lulus sa-kurang2-nya satu mata-pelajaran perengkat biasa dan 4.72 peratus (10 chalun) pula gagal.

Dari jumlah yang telah lulus itu sa-orang penuntut dari pusat tersebut telah mendapat kelulusan penoh mata-pelajaran dengan sembilan unit ia-itu Dayang Siti Aisah bte Hj Mohd Jaafar.

Manakala itu semua chalun persendirian dan kelas dewasa di-pusat pepereksaan ibu negeri dan Seria lulus dengan dua orang sahaja telah mendapat sa-kurang2-nya dua 'A' dan dua 'O' mata-pelajaran. Sementara yang lain sa-ramai 54 orang mendapat satu mata-pelajaran perengkat 'O' dan 14 chalun pula gagal.

Jumlah chalun yang mendudoki pepereksaan tersebut ia-lah 212 orang chalun sekolah dan 70 orang chalun persendirian dan kelas dewasa.

Sementara itu dalam pepereksaan Sijil Pelajaran Singapura/Cambridge perengkat biasa aliran Melayu yang keputusan-nya telah di-keluarkan sa-rentak pada petang Ahad, 4hb Mach lepas oleh Lembaga Pepereksaan Brunei, sa-ramai 246 orang chalun dari jumlah 445 orang yang mendudoki telah lulus dengan menchapai sa-kurang2-nya tiga mata-pelajaran pangkat keridet.

Ini menunjokkan 55.28 peratus dari jumlah yang mengambil itu telah lulus berbanding dengan peratus lulus yang telah di-chapai bagi pepereksaan yang sama pada tahun 1977 chuma 29.34 peratus lulus.

Dari jumlah yang lulus itu lima orang telah mendapat tujoh mata-pelajaran keridet, 21 orang mendapat enam keridet, 44 orang

Lihat muka 20

## *Sembilan orang lagi naik pangkat*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perjawatan mengumomkan kenaikkan pangkat bagi sembilan orang lagi Pegawai Kerajaan baru2 ini.

Sa-orang dari mereka di-naikkan dari Bahagian II ka-Bahagian I. Beliau ia-lah Pegawai Perubatan, Dr. A.G. Ellerker yang telah di-naikkan pangkat menjadi Doktor Pakar Bedah mulai 1hb Januari, 1979.

Awang Ibrahim bin Haji Yassin, Penolong Pesurohjaya Peranchang Bandar dan Desa di-lantek menjadi Timbalan Pesurohjaya Peranchang Bandar dan Desa mulai 1hb Januari, 1979.

Dua orang Pegawai Ugama di-naikkan menjadi Pegawai Ugama Kanan. Mereka ia-lah Awang Abd Mokti bin Mohd Daud dan Awang Haji Suhaili bin Hj Mohiddin. Lantekan2 mereka bermula dari 1hb Januari, 1979.

Dua orang Guru Terlateh dalam Bahagian III di-naikkan ka-Bahagian II. Mereka ia-lah Awang Antin bin Ahad di-naikkan pangkat sa-bagai Pegawai Pepereksaan Kanan—Lembaga Pepereksaan mulai 8hb Julai 1978 dan Awang Mohiddin bin Arjo menjadi Pegawai Pelajaran mulai 31hb Julai, 1978.

Sa-orang lagi Guru Terlateh, Awang Abdul Rahman bin Haji Hassan di-naikkan pangkat sa-bagai Juru Tulis Jawi Dewan Bahasa dan Pustaka mulai 1hb Januari, 1979.

Dua orang pegawai dalam Bahagian IV di-naikkan pangkat ka-Bahagian III. Mereka ia-lah Awang Abd Hadi bin Yaakub, Pembantu Teknik di-naikkan pangkat sa-bagai Pembantu Teknik Kanan — JKR mulai 1hb Oktober, 1978. Awang Abd Razak bin Md Yusof, Merinyu Bandaran BSB di-lantek menjadi Pemereksa Buroh —AMDB mulai 1hb Januari, 1979.

Pelita Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
7HB MACH, 1979

## KUNJONGAN LUAR NEGERI ERATKAN PERSAFAHAMAN

SA-KALI lagi negara kita menjadi tumpuan kunjongan oleh beberapa rombongan luar negeri yang baru2 ini turut mengambil bahagian dalam perlawanan polo antarabangsa. Dan antara rombongan tersebut tidak ketinggalan kunjongan keluarga Diraja Pahang yang di-ketuai oleh DYMM Baginda Sultan Pahang sendiri.

Dari kunjongan demikian memberikan erti yang bukan sahaja meletakkan ketokohan kedaulatan Kerajaan dan negara kita di-kalangan negara2 sa-rantau, malah ia-nya memperlihatkan sa-bagai suatu restu atas ketegasan Kerajaan bahawa negara kita sentiasa membukakan pintu-nya untok mana2 negara yang ingin mengujudkan persafahaman dan persahabatan di-bidang2 yang berkebajikan tanpa menchampuri hal ehwal negeri ini sendiri.

Memang mengujudkan persafahaman dan persahabatan itu bukan hanya dapat di-lahirkan dalam satu jurusan sa-mata2 umpama-nya dalam bidang perdagangan dan perusahaan saperti yang pernah di-lakukan oleh rombongan2 perniagaan dari Filipina dan Singapura baru2 ini, malah ia-nya dapat di-jalin menerusi bidang sokan.

Dari kunjongan2 demikian dan sambutan mesra yang kita berikan kapada sa-tiap rombongan itu dengan jelas ia memperakukan bahawa negara kita biarpun kechil tetapi mampu untok berganding bahu dengan mana2 jua negara di-samping memperlihatkan sifat dan kemurniaan masharakat kita di-bumi darussalam ini benar2 mempunyai harga diri dan penghormatan yang tinggi.

Persafahaman dan pengertian yang jujor di-antara semua pehak ada-lah lebeh penting dan perlu sentiasa di-ujudkan demi untok mengekalkan tali silatulrahim dalam usaha sa-tiap negara untok mengujudkan keamanan dan kesentosaan masing2. Mudah2an dari apa yang telah di-perlihatkan oleh suasana demikian hendak-nya akan lebeh menjalin kuat lagi ikatan sa-rantau di-samping kita harapkan ia-nya akan memberikan nafas baru kapada kita yang sedang menuju proses kemerdekaan negara.

## SISTEM LETAK KERETA

KEPUTUSAN Majlis Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria untok mengadakan petak2 meletak kereta bagi kedua2 pekan itu mulai pertengahan tahun ini ada-lah merupakan suatu keputusan yang bijak dari Kerajaan, kerana ia-nya bukan sahaja dapat meyusuntadbir keadaan lalu-lintas di-kawasan tersebut, tetapi juga akan dengan sendiri-nya dapat memberikan peluang2 pekerjaan kapada belia2 dan beliawanis2 yang maseh menganggor.

Kesan dari peranchangan yang bijak saperti itu sudah dapat di-lihat dari apa yang telah di-laksanakan oleh Majlis Lembaga Bandaran di-ibu-negeri. Dengan ada-nya sistem saperti ini masaalah menaroh kereta awam sekurang2-nya akan dapat di-atasi, biarpun barangkali lembaga berkenaan belum dapat memenohi sa-bahagian besar dari apa yang di-perlukan untok maksud2 demikian.

Namun begitu dengan ada-nya 700 petak letak kereta yang di-ranchang oleh lembaga tersebut mudah2an tidak akan kedapatan lagi kereta2 awam yang di-letak sa-suka hati oleh pemilek2-nya di-tempat2 yang asal saja dapat meletakkan tidak kira tempat itu menyalahi undang2 lalu-lintas atau tidak. Dengan itu juga pemilek2 kereta jangan-lah hendak-nya nanti sa-suka hati meletakkan kereta mereka di-tempat untok tujuan2 pemeliharaan saperti kawasan2 lapang untok tujuan2 bersiar2 yang selalu-nya di-tanam dengan pokok2 bunga bagi menchantekkan kawasan tersebut. Sifat saperti ini ada-lah merosakkan sedangkan Kerajaan berhasrat memelihara kawasan berkenaan dengan tujuan memberikan kesenangan dan kepentingan awam.

Dari itu biar-lah kita berkorban wang untok beberapa sen sahaja dalam sa-jam asalkan kereta yang kita letakkan itu terpelihara dan selamat dari tindakan undang2 yang akibat-nya akan lebeh besar lagi jumlah wang yang perlu kita keluarkan.



PERTUBOHAN Pengakap Negeri Brunei telah mendermakan sa-keping chek bernilai $482.00 kapada Badan Kebajikan Kebangsaan Brunei.

Sumbangan itu telah di-sampaikan oleh Pengerusi Tabong Kewangan Pertubohan Pengakap, Awang Abu Bakar bin Haji Ahmad kapada Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Haji Awang Hussein dan di-saksikan oleh Ahli2 Jawatankuasa Pengakap (gambar atas).

Sumbangan itu telah di-sampaikan di-satu upachara di-Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan di-ibu negeri pada Khamis lalu.

Wang tersebut ada-lah hasil kutipan daripada projek lumba berjalan kaki dan Majlis Makan Malam Amal di-Kantin Muzium pada tahun lepas.

## Pejabat Lembaga Pepereksaan Brunei

DENGAN ini ada-lah di-maalomkan untok pengetahuan Pegawai2 Kerajaan dan orang2 ramai bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berkenan supaya Bahagian Pepereksaan Pejabat Pelajaran di-asingkan menjadi satu Pejabat yang tersendiri di-namakan sa-bagai Pejabat Lembaga Pepereksaan Brunei. Pejabat Lembaga Pepereksaan Brunei di-tubohkan mulai 1hb Julai, 1977.

Tugas2 Pejabat Lembaga Pepereksaan ini ada-lah saperti yang di-tentukan oleh Undang2 Pelajaran (Lembaga Pepereksaan2 Brunei) 1976.

## Majlis penutop kursus Perpustakaan

BANDAR SERI BEGAWAN.—Sa-ramai 38 orang peserta telah menamatkan Kursus Intensif Asas Perpustakaan pada hari Rabu yang baru lepas.

Majlis penutop kursus telah di-lakukan oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Mahmud bin Haji Bakyr sementara penyampaian sijil2 telah di-lakukan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Pelajaran Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong.

Kursus tersebut telah di-adakan sa-lama sa-bulan yang bermula sejak 31hb Januari lalu dan telah di-kendalikan oleh Dayang Thelma T. Salazar, Ketua Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sa-panjang kursus tersebut semua peserta2 telah di-ajar dalam bidang Ilmu Sains perpustakaan saperti katalog, indicing, pemilehan buku2, pengurusan dan lain2 aspek yang bersangkut-paut dalam bidang perpustakaan.

Tujuan di-adakan kursus ia-lah untok membimbing tiap2 peserta kursus dalam asas perpustakaan dan untok membolehkan mereka menjalankan kerjaya masing2 dengan lanchar dan sistemetik.

Achara penutop pada petang itu telah di-mulakan dengan uchapan alu2an oleh Awang Haji Ahmad bin Kadi, Pemangku Timbalan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka dan kemudian-nya di-ikuti dengan uchapan oleh Ketua Yunit Latehan Perjawatan, Awang Haji Jaya bin Abdul Latif. Majlis itu telah di-akhiri dengan bachaan Doa Selamat.



GAMBAR atas kelihatan Awang Haji Abu Bakar menyampaikan sijil kapada Dayang Saerah Momin.

## Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 8hb hingga 14hb Mach, 1979

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Kawasan Rumah Ketua Kampong, Serasa | 8.3.1979 | Khamis | 3.15– 4.15 petang |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong, Masjid Lama, Muara | 8.3.1979 | Khamis | 4.30– 5.30 ,, |
| Kawasan Masjid, Kampong Sengkurong | 10.3.1979 | Sabtu | 2.00– 3.00 ,, |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas | 10.3.1979 | Sabtu | 3.15– 4.15 ,, |
| Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut | 10.3.1979 | Sabtu | 4.30– 5.30 ,, |
| Sekolah Melayu Sungai Hanching | 12.3.1979 | Isnin | 4.30– 5.30 ,, |
| Berhadapan Kedai, Pekan Muara | 12.3.1979 | Isnin | 3.00– 4.00 ,, |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah) | 13.3.1979 | Selasa | 9.15–10.15 pagi |
| Sekolah Melayu Anggerek Desa | 13.3.1979 | Selasa | 10.30–11.30 ,, |
| Sekolah Melayu Penglima Berudin, Limau Manis | 14.3.1979 | Rabu | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Pengkalan Batu | 14.3.1979 | Rabu | 9.45–10.45 ,, |
| Sekolah Melayu Masin | 14.3.1979 | Rabu | 11.00–12.00 T/Hari |

## Jangan dekati kawasan ini

SHARIKAT Minyak [illegible] Brunei Berhad mengum[illegible] bahawa gelembong gas [illegible] di-kesan di-sebuah ka[illegible] yang luas di-permukaan [illegible] di-pelantar Minyak [illegible] Champion di-padang [illegible] pion. Pelantar minyak terletak 20 batu ka-[illegible] Jerudong.

Semua kapal dan [illegible] kechil di-nasehatkan [illegible] menjauhi kawasan ter[illegible] hingga kenyataan2 [illegible] Penyiasatan2 atas sebab [illegible] lembong itu kini sedang [illegible] lancharkan.

# M.D. LEAVES TO TAKE UP NEW JOB

SERIA. — The former Managing Director of Brunei Shell Petroleum Company Limited, Dato J. Cordingley, left with his wife Datin Noni Cordingley for Singapore on their way to London last Friday after having been in Brunei for five years.

Dato Cordingley is to take up a new appointment with Shell International Petroleum Company in London.

Dato Cordingley who graduated with B.Sc (Mining) degree from Leeds University and joined the Royal Dutch/Shell Group of Companies in 1949 had served in Venezuela, Colombia, Nigeria, the Netherlands and in Pakistan prior to being posted to Brunei.

He was appointed an officer of the Order of the British Empire on Her Majesty the Queen's honours list in June 1977 and was awarded the Most Honourable Order of the Crown of Brunei (SPMB First Class) which carries the title Dato during His Highness the Sultan's Birthday in July of the same year.

He is succeeded as Managing Director of Brunei Shell Petroleum Company Limited by Mr P. Everett who had been in Brunei on two previous occasions.

Mr Everett was first in Brunei from 1961 to 1963 as a Petroleum Engineer and more recently from 1970 to 1972 as Senior Operations Engineer and Chief Petroleum Engineer.

He graduated from Edinburgh University and joined Shell in the Hague in 1955 as a Trainee Petroleum Engineer.

He has served in Indonesia, Trinidad and was General Operations Manager with Shell BP Nigeria before coming to Brunei.

Mr Everett is married with one daughter and three sons and is an active all-round sportsman.



His Highness the Sultan of Pahang (fourth from right) being briefed by Awang R. Michels during a visit to the Brunei Shell Petroleum Company's marine yard in Kuala Belait.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah who accompanied the Sultan on the visit is sixth from the right. Briefing him is the Engineering Manager, Awang G.L.J. Watt.

## General visits Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Britain's Chief of the General Staff, General Roland Gibbs, visited Brunei last week as part of a review of British troops in the region prior to his retirement.

During his brief visit, the general had an audience with His Highness the Sultan Sir Muda Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah at Istana Darul Hana here.

He also toured the Royal Brunei Malay Regiment's First Battalion, the Air Wing and the First Flotilla.

After that the general visited the RBMR's Second Battalion at Tutong before proceeding to Seria for a tour of the Gurkha Rifles base.

## Students visit flotilla

MUARA—Thirty students from the Geographical Society of the Sixth Form Centre last week visited the First Flotilla of the Royal Brunei Malay Regiment here.

They were shown around the base and were briefed by the Commanding Officer of the First Flotilla, Lieutenant Colonel Wilks.

They were also taken aboard two of the Flotilla's fast patrol boats.

## BCS holds meeting

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Brunei Chemical Society held its first Annual General Meeting at the Churchill Memorial Lecture Theatre here recently.

The meeting elected Awang Yusof Haji Hassan, President of the Society, Awang Matdanan Haji Jaafar—Vice-President; Awang Annuar Batcha —Honorary Secretary; Awangku Sharifuddiin bin Pengiran Haji Yusof — Assistant Secretary; Awang R. Z. Fernandez —Honorary Treasurer.

The meeting also elected two committee members — Dayangku Mariam bte Pengiran Matarsat and Awang Mustafa Abu Bakar.

## Survey and Land Economy seminar

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei was among seven countries which attended the Asian Regional Seminar of the Commonwealth Association of Surveying and Land Economy in Hong Kong last week.

The others were Hong Kong, Malaysia, Singapore, Sri Lanka, India and Mauritius.

Brunei was represented to the four-day seminar by the Surveyor-General, Awang J.W. Wright, and the Survey Training Officer, Awang Mohammad Taib bin Haji Mohammad Said.

During the seminar the delegates discussed the question of development of surveying and land economy in their respective countries.

## Honour guard marks judicial year

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Chief Justice Dato Sir Geoffrey Gould Briggs took the salute and inspected the guard of honour mounted by a detachment and band of the Royal Brunei Police Force at a ceremony held last Thursday to mark the start of the State's judicial year.

Dato Sir Geoffrey Briggs arrived from Hong Kong the day before and was welcomed on arrival at the International Airport by the British High Commissioner, Mr Arthur Watson, the Attorney-General, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin, the Chief Registrar, Mr Charlie Foo and other officials from the Legal Department.

During the weeklong High Court sitting, Dato Sir Geoffrey Briggs will deal with several civil and appeal cases.

## BRSC symbol contest

BANDAR SERI BEGAWAN. — The State Secretary, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz last Thursday chaired a meeting of the Brunei Road Safety Council (BRSC) meeting held at the State Secretariat here.

The meeting selected a panel of judges for a BRSC symbol contest which will be held next month.

Besides that it elected a new working committee and discussed the main event of the year —the annual road safety week.

The meeting also proposed that to promote road safety consciousness, a series of lectures be held in schools.

## Course for receptionists, operators

BANDAR SERI BEGAWAN. — Nineteen receptionists and telephone operators from various government departments last week attended a three-day course at the Training Centre in Jalan Kumbang Pasang here.

During the course, the participants discussed a number of subjects, including ways to serve the public, their responsibilities towards their jobs and how to compile reports.

The course was organised by the Training Unit of the Establishment Department and was among the thirty-five planned for this year.

## New Hq for guide association

SERIA. — The Chief Youth and Sports Officer, Pengiran Alihassan bin Pengiran Dato Haji Abas last week officially opened the new headquarters for the Belait District Girl Guide Association at Lorong Tujoh here.

The ceremony began with a speech by the President of the Association, Datin Noni Cordingley.

More than two hundred girl guides including those from Kuala Belait, Bandar Seri Begawan, and the Tenth Gurkha Girl Guides attended the ceremony, which was also to honour the founders of the scout and girl guide movements, Lord and Lady Baden Powell.

## Over 280 pints so far

BANDAR SERI BEGAWAN. — The State Blood Bank here last week collected seventy-two pints of blood from the students and teachers of the Sultan Saiful Rizal of Building and the Technical Centre in Jalan Muara.

This brought to a total of two hundred and eighty-one pints of blood collected so far by the Bank since last month.



The Administrative Officer at the Education Department, Awang Ahmad Bukhari bin Haji Manafiah, presenting the trophy to the leader of the Sengkurong English Prep School team which won second place in the quiz competition among primary schools held at the Pusar Ulak Malay School in Bandar Seri Begawan last week.

The Pehin Dato Jamil Primary Malay School emerged champion in the competition.

## Librarians receive certificates

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Acting Deputy Director of Education, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong, last week presented certificates to about forty government employees at a ceremony held here.

They received the certificates for attending a month-long course for librarians organised by the Language and Literature Bureau.

The course was officially closed by the Director of the Bureau, Awang Mamud bin Haji Bakyr.



The Acting Deputy Director of Education, Awang Haji Abu Bakar, presenting a certificate to one of the participants in the course for librarians.

مؤتمر اسلامي آسيوي اول

## oleh2 dari PERSIDANGAN ISLAM ASIA YANG PERTAMA

OLEH:



TENTERA Muslimin yang berjumlah tidak lebeh dari 700 orang telah melawan tentera kafir Quraish yang berjumlah sa-ramai 3,000 orang. Dengan kekuatan moral dan rohani yang tinggi, tentera2 Muslimin telah dapat menguasai keadaan, yang membuat barisan Quraish jadi kelam kabut dan pahlawan2 mereka mulai undor dan surut. Bendera yang menjadi pendorong kapada mereka telah bertukar-tukar tangan. Gugor sa-orang, di-sambar pula oleh sa-orang yang lain.

Sa-hingga-lah chukop sembilan orang semua-nya tukang bawa bendera yang tewas. Yang paling akhir ia-lah sa-orang hamba Bani 'Abdid Dar, Shu'ab namanya. Tangan kanan-nya di-tetak oleh orang Islam hingga putus, menyebabkan bendera jatoh ka-tanah. Bendera yang terlepas itu di-sambar pula dengan tangan kiri-nya, tetapi tangan kiri ini pun segera terkulai. Sekarang oleh Shu'ab, bendera itu di-pelok-nya ka-dada-nya dengan lengan-nya, sa-bagai ikhtiar terakhir menyelamatkan kehormatan Quraish. Tetapi Allah Maha Bijaksana lagi perkasa yang mentakdirkan kehormatan itu hanya benar2 di-namakan kehormatan bagi orang2 yang berakidah suchi sahaja, yang mentauhidkan Allah—bukan untok orang2 jahat yang mensharikatkan-Nya.

# MEMBELAKANGI KESETIAAN PUNCHA BENCHANA DI-UHUD

## Siri ke-28

Demikian-lah, sa-telah semua tukang bawa bendera itu tewas, bermakna kehanchoran bagi pasokan Mushrikin. Suara2 kaum perempuan mereka yang melaongkan lagu2 perangsang dan semangat tidak lagi kedengaran, sementara patong2 buatan mereka yang di-pohonkan restu-nya itu juga berjatohan dari atas unta, suatu pertanda yang mereka telah di-hina-kan dengan sa-hina2-nya.

Allahu Akbar! Allahu Akbar! Allahu Akbar! Sekali lagi Muslimin berjaya menewaskan musoh-nya, musoh Allah dan musoh kebenaran. Sa-sungguh-nya kemenangan Muslimin pada pagi itu ada-lah suatu mu'jizat yang tidak dapat di-sukat oleh akal. Ramai orang berpendapat bahawa kemenangan di-Uhud itu ada-lah di-sebabkan kemahiran Nabi mengator pasokan pemanah yang 50 orang di-liring2 bukit, yang merintangi pasokan2 berkuda musoh untok mara dan juga mengawasi Muslimin dari belakang. Pendapat ini juga ada-lah benar. Tetapi dalam pada itu jangan pula di-lupakan faktor2 *kesetiaan, kesabaran dan iman,* ada-lah semua itu boleh mengatasi kepandaian memimpin. Bukan-kah sabelum ini telah kita terangkan betapa Nabi ada berpesan — sa-belum pertempuran — bahawa orang2 Islam akan beroleh kemenangan jika mereka itu tetap tabah dan sabar. Ini-lah hakikat mutlak yang membawa Muslimin tegoh dan tidak gonchang oleh kekuatan apa pun jua. Semua jenis kekuatan hanya akan kelihatan kechil sahaja di-hadapan orang2 yang beriman, sebab di-sana terdapat *Hakikat Tertinggi* yang membekalkan segala kekuatan sikap dan akidah yang tidak dapat di-goyang dan di-taklokkan oleh apa jua jenis kekuatan yang ada. Kerana itu-lah 3,000 orang pasokan Quraish jadi lemah menghadapi lima kali ganda lebeh kechil tentera Muslimin.

Muslimin kini mengejar musoh itu sampai mereka meletakkan senjata.

TETAPI dan TETAPI! Mari renongkan saudara2-ku Muslimin! Tentera2 Islam yang menang itu sekarang telah mulai memperebutkan harta2 rampasan perang. Banyak sekali rampasan2 itu, maklom-lah tentera yang di-tewaskan amat besar dengan segala peralatan-nya yang terlengkap. Hal ini, tuan! Membuat tentera2 Islam itu lupa kapada saki-baki musoh yang melarikan diri. Mereka tidak terus mengejar dan mengesan jejak-nya. Mereka lupa dan lupa, di-lupakan oleh kekayaan duniawi. Kemudian nun di-sana, kelihatan juga pasokan pemanah yang saramai 50 orang itu, yang telah di-tugaskan oleh Nabi supaya terus berada di-tempat mereka masing2, tidak kira kalah atau menang. Nampak-nya mereka juga sedang di-serang penyakit tamak ini, *penyakit orang² dunia yang tidak mengetahui harga akhirat.* Walaupun ada perchubaan melawan nafsu itu, tetapi perchubaan itu tidak kuat, tidak sampai berhasil mempertahankan harga diri. Chuba perhatikan pertarongan di-antara *kesedaran* dan *nafsu* yang sedang menyerang pasokan pemanah ini melalui dailog2 yang terjadi ketika itu:

*"Mengapa-kah kita mesti terus tinggal di-sini dengan tidak ada apa², sedang saudara² kita itu telah menawan markas musoh. Ka-sana-lah kita ikut mengambil rampasan itu."*

Sa-orang yang lain menjawab:

*"Bukan-kah Rasulullah berpesan supaya jangan meninggalkan tempat kita ini walau apa pun terjadi?"*

Menjawab orang yang pertama:

*"Tetapi Rasulullah tidak menghendaki kita tinggal di-sini terus menerus, sa-telah Allah menghanchorkan musoh² kita."*

Demikian-lah perselisehan terjadi. Masing2 dengan alasan-nya. Dalam masa genting pertengkaran, sa-orang yang bernama Abdullah bin Jubair bangun berchakap sambil memberi amaran supaya semua orang jangan melanggar perentah Nabi. Tetapi amaran ini tidak berkesan. Sa-bahagian besar-nya telah chabut lari. Yang maseh tinggal, hanya-lah beberapa orang sahaja.

Saperti tentera2 Islam yang amat sebok tadi, demikian juga mereka (pasokan pemanah) ini turut menyertakan diri dalam kesebokan tersebut memperebutkan harta2 rampasan.

Dan pada waktu ini-lah, ya pada waktu ini-lah Khalid bin Al-Walid sa-bagai ketua pasokan musoh yang memang terbilang, telah nampak suatu peluang terbuka yang tidak patut di-lepaskan. Lalu ia pun mengarahkan pasokan-nya supaya patah balek dan menuju ka-tempat pasokan pemanah, yang kemudian dengan mudah sahaja dapat mengusir mereka yang maseh tinggal.

Hal ini sunggoh tidak di-sedari oleh tentera2 Islam. Mereka maseh sahaja ashik dan sebok menghadapi harta rampasan. Tiba2 Khalid bin Al-Walid berteriak dengan sa-kuat2-nya mengembalikan kesedaran orang2 kafir itu, bahawa mereka telah mendapati ada peluang untok melakukan serangan balas sa-chara mengejut. Lalu mereka yang tadi-nya telah terpukol mundor itu, sekarang maju sa-mula menyerang kaum Muslimin.

Apa hendak di-kata, sesal dahulu pendapatan sesal kemudian tidak berguna. Ikut hati — mati, ikut rasa — binasa. Giliran-nya sekarang tiba bagi kaum Muslimin, giliran benchana akibat membantah perentah Rasul. Sa-tiap orang sekarang sebok, bukan sebok mengutip dan mengumpol rampasan, tetapi sa-tiap orang sebok melempar dan menchampakkan sa-mula hasil rampasan, dan baru-lah kembali menchari atau menchabut pedang yang telah di-lupakan buat sa-ketika tadi.

Tetapi sayang, tuan! Sudah terlambat. Persatuan dan barisan telah tidak dapat di-bulatkan lagi. Semua-nya sudah bubar dan pechah. Pahlawan2 telah bertempiaran. Kalau tadi-nya mereka berjihad atas perentah Allah untok menyelamatkan akidah dan kehormatan, tetapi sekarang mereka hanya berjuang untok menyelamatkan diri. Kalau tadi-nya mereka bersatu-padu, berjihad di-bawah satu pimpinan yang tegoh dan kuat, tetapi kini mereka berjuang dengan tiada pimpinan. Mereka, pendek-nya telah kehilangan diri.

Di-tambah lagi ada suara orang berteriak, bahawa Muhammad telah terbunoh, menyebabkan lagi keadaan samakin kachau-bilau. Kaum Muslimin berseliseh sa-sama sendiri. Hentam menghentam di-sebabkan sudah terlampau kebingongan dan tergopoh-gapah. Sementara di-pehak Quraish, mendengar Nabi telah terbunoh itu, saperti banjir mereka menyerbu ka-jurusan di-mana tadi-nya Baginda berada. Masing2 mereka ingin membunoh menchechahkan mata pedang masing2 ka-tuboh yang suchi itu, sa-bagai kebanggaan untok di-rista kemudian.

Dalam masa itu-lah, mana2 orang Islam yang terdekat dengan Nabi, akan bertindak mengelilingi Baginda untok menjaga dan melindongi-nya. Sarentak dengan itu juga, baru-lah kesedaran mula terbuka sa-mula di-kalangan Muslimin. Iman mereka tumboh dan membesar dengan chepat-nya. Kehidupan duniawi ini mereka rasakan tidak akan bererti ap[a] sa-kira-nya Nabi mendapat b[a]haya. Kerana itu-lah apab[ila] sahaja mereka melihat ba[tu] melayang mengenai diri Baginda, semua naik chemas da[n] tambah menyinga. Batu ... menyebabkan sebelah gigi geraham Baginda terkena, muka-nya pechah2 dan bibir-nya b...

Bagaimanapun, Rasulullah maseh berupaya menguasai d... Baginda berjalan sambil d... kelilingi oleh para sahabat. Tetapi tiba2 Baginda terperosok ka-dalam sa-buah lobang yang senghaja di-gali oleh orang Quraish. Melihat itu, Syedina Ali bin Abu Talib melompat menghampiri-nya, serta kemudian memegang tangan Baginda, dan oleh Talhah bin 'Ubaidillah Baginda di-angkat hingga dapat berdiri kembali. Baginda meneruskan perjalanan mendaki gunong Uhud, dengan di-sertai oleh para sahabat ba... mengelak diri dari kejaran musoh.

Para Muslimin kini berkumpol berkeliling Baginda. Mereka sudah berazam membe... nya. Abu Dujanah, orang yang di-serahi kapada-nya pedang Baginda, telah menjadikan d... nya sa-bagai perisai melindongi Rasulullah. Sa'ad bin Abi Waqas pula sambil, melepaskan anak panah-nya, tidak m... berenggang dari sisi Rasulullah.

Sementara orang2 Quraish yang perchaya Nabi telah w[a]fat, bukan main lagi suka h... mereka. Sedang di-pehak p... ngawal2 yang terdekat kapada Rasulullah tidak pula memb... tah berita itu, kerana mer... di-larang oleh Baginda, sup[aya] pehak Quraish tidak sam... memperbesar kerahan tena[ga]-nya untok menentang lebeh ... bat lagi kaum Muslimin. ... perchayaan tentang kewafa[tan] Nabi ini juga telah di-a... oleh sa-bahagian dari kalangan Muslimin. Hanya apabila K[a']ab bin Malik tatkala d... mengenali Baginda melalu[i] ... nar mata-nya yang meman... dari balek topi besi pen... muka itu, ia berteriak:

*"Saudara2 kaum Mus[limin]! Selamat! Selamat! Ini Rasulullah!"*

Masa itu juga Ras[ulullah] chepat2 memberikan ... supaya diam. Tetapi te... itu sempat di-dengar ... orang2 Islam, lalu mereka ... bawa Nabi ka-arah che... kit yang di-anggap ... Syedina Ali membasoh ... muka Nabi, sementara ... 'Ubaidah bin Al-Jarrah ... chabut dua keping ... rantai besi penutop muka ... menembus wajah Nabi ... dua gigi geraham-nya ...

(BERSAMBONG)

# TABAH DAN CHEKAL MENGHADAPI MASAALAH

**Bingkisan minggu ini**

TABAH dan chekal ada-lah rangkaian sikap yang patut di-mileki oleh sa-tiap insan. Ia boleh di-pergunakan dalam masa kita sedang menghadapi sa-suatu masaalah yang berat dan rumit. Tambah-an lagi dalam arus kema-juan Sains dan Teknoloji ini, ada2 saja yang perlu kita hadapi dengan penoh ketabahan dan kechekalan. Kalau-lah kedua-dua sikap ini telah benar2 tertanam di-lubok sanubari kita, tentu-nya kita akan dapat menghadapi sa-suatu itu dengan mudah saja, walau sa-besar mana sa-kali pun masaalah yang di-hadapi itu.

Memperkatakan tentang ketabahan dan kechekalan ini, Rasulullah s.a.w. ada-lah sa-bagai chontoh yang paling baik dan patut di-ikuti oleh sa-tiap umat Islam. Betapa tidak-nya, kita telah pun awal2 me-ngetahui bahawa Rasulul-lah s.a.w. sering saja menghadapi penginyaya-an2, kesulitan2, anchaman2 dan sa-bagai-nya, namun Baginda tetap menghadapi-nya dengan hati yang ta-bah dan chekal.

Abu Jahal dan Abu La-hab, ada-lah 2 orang 'kerok' utama yang sering mengganggu, menganchám, mengugut dan malah cho-ba membunoh Baginda. Ada2 saja chara mereka lakukan untok memenohi hasrat mereka itu. Hasil-nya, bukan diri Baginda saja yang terancham ma-lah kaum muslimin yang lain. Namun begitu Bagin-da tetap tabah mengha-dapi-nya. Sa-bagai chontoh; Baginda pernah di-lontar dengan najis sa-masa me-nunaikan sembahyang, per-nah di-lontar dengan batu, pernah di-lemparkan de-ngan kata2 yang kesat dan maki hamun, pernah di-tudoh sa-bagai orang gila, tukang seher, dan bahkan pernah budak2 jahat me-mukol dan menghalau Ba-ginda dan bermacham-macham lagi.

Di-antara berbagai-bagai masaalah dan anchaman2 yang di-tempohi Baginda, sa-bagaimana yang telah di-sebutkan tadi, masaalah menghadapi penyebaran Islam ada-lah satu chon-toh yang paling besar dan paling agong. Peristiwa yang di-hadapi oleh Rasu-lullah s.a.w. itu ia-lah an-chaman besar kaum Mu-shrikin Quraish memaksa Baginda supaya meninggal-kan usaha menyebarkan Ugama Islam, jika tidak di-hentikan usaha terse-but, Baginda akan di-bu-noh. Dalam hal ini, walau machamana besar sa-kali-pun anchaman kaum Mu-shrikin Quraish itu, sa-hinggakan hendak membu-noh Baginda, namun Ba-ginda menghadapi-nya de-ngan tabah, chekal, dan berani. Baginda telah men-jawab lebeh kurang begi-ni: *"Demi Allah, kira-nya mereka itu meletakkan ma-tahari di-kananku, dan bu-lan di-kiriku, supaya aku meninggalkan perkara ini, tidak-lah aku meninggal-kan-nya sa-hingga ia di-menangkan oleh Allah ataupun aku mati kerana-nya".*

Nah itu dia jawapan yang pendek, chukop ta-jam, dan perkasa bunyi-nya. Sa-bagaimana yang di-sabdakan, begitu-lah ju-ga sikap Baginda dalam masa mengotakan apa yang di-katakan-nya itu. Bagi kita di-sini, ini-lah suatu sikap yang patut menjadi renongan dan sa-terus-nya ikutan yang di-semerakkan sa-mula dalam masa menempoh gelom-bang hidup ini.

Jadi-nya, tanamkan-lah sikap tabah dan chekal ini di-sanubari kita sa-hingga ia telah benar2 membuah-kan apa2 yang kita hajati. Dan tentu-nya sedikit de-mi sedikit akan dapat menghilangkan perasaan gerusoh, tergesa-gesa, pu-tus asa dan sa-bagai-nya. Betapa tidak-nya, kita menghadapi sa-suatu itu tanpa terburu-buru dan berperasaan tenang saja. Tentu-lah hasil-nya akan membuahkan sa-suatu yang benar-benar kita ha-rap-harapkan yang senan-tiasa mengikut lunas-lunas yang betul dan akan men-jauhkan dari kehampaan dan memarakkan api ke-marahan.

# Saudara baru di-rai'

SATU keluarga Iban sa-ramai 6 orang dari Kampong Kenua, Daerah Temburong telah me-melok Ugama Islam dan ma-jlis meraikan saudara2 baru itu telah di-adakan pada 23hb Februari bertempat di-Pekan Bangar. (Gambar kanan, ehsan JHEU).

Mereka itu terdiri dari ke-luarga Dangat ak. Balauong yang kini di-kenali sa-bagai Mohd Rosli bin Abdullah, manakala isteri dan anak2-nya masing2 memileh nama Islam sa-bagai Norhayati bte Abdul-lah, Halizawati bte Mohd Ros-li, Mohd Helmy bin Mohd Rosli, Mohd Dzulkifli bin Mohd Rosli dan Rosyatimah bte Mohd Rosli. PengIslaman mereka itu telah di-sempurna-kan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Dewa Haji Abd Rahim bin Akim.

Antara yang hadhir dalam majlis malam itu termasok-lah Awang Haji Abu Bakar bin Haji Tengah, Pegawai Ugama Kanan; Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Haji Yaakob bin Ahmad dan Pemangku Kadzi Daerah Tem-burong, Pg Badaruddin bin Pg Haji Damit serta pegawai2 kanan Kerajaan.

Sementara itu saudara baru Islam bertambah lagi sa-telah Gumiek bin Pentil @ Gumiek bin Pintol, 26 tahun, meme-lok Ugama Islam baru2 ini. Ia kini di-kenali sa-bagai Ali Omar bin Abdullah. Beliau melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Da-tu Seri Utama Awang Haji Ismail bin Matserudin di-Jabatan Hal Ehwal Ugama di-ibu negeri.



# Seminar Dakwah Islamiah Pegawai2 Rendah Kerajaan

# Sebaran 'Am Alat Dakwah

**oleh: Awang Hj Yahya Hj Ibrahim**

**(Sambongan)**

OLEH sebab itu-lah maka dalam penyebaran dakwah melalui alat sebaran tentu-lah bukan maksud-nya akan di-ujud ranchangan2 yang bersifat ditaktik keugamaan tulin yang hanya akan menarik minat kumpolan orang2 tertentu, bahkan maksud-nya ia-lah sifat keselurohan sebaran 'am itu dapat di-rasakan dengan sa-kali amalan sahaja, ia-nya "berseh" dari unsor2 yang "chapi2".

Sebab yang menghendaki perkara2 di-atas ia-lah kerana bersandarkan batas2 baik dan batas2 burok yang di-pegang oleh Islam — Jikalau sa-kira-nya per-kara2 yang baik di-champor dengan unsor2 yang burok, maka tujuan kebaikan itu akan terjejas. Minyak dan ayer tidak boleh bertemu dan menjadi sebatian.

Dalam ukoran baik dan burok ini bererti sebaran 'am mempunyai pengaroh besar terhadap moral masha-rakat. Naluri suka mengikut dan meniru — feshen pakaian umpama-nya — di-hidupkan dengan gambar2, rajah, petua2 dan lakunan2 yang ada dalam sebaran 'am yang memudahkan orang ramai menerima-nya.

Dalam hal ini sebaran 'am yang ada sekarang pa-da keselurohan-nya ada-lah "menchedok" "bagas2" sebaran 'am barat yang pada keselurohan-nya tia-da lagi berpandukan ukor-an akhlak dan ugama. Se-dangkan masharakat Bru-nei ia-lah masharakat yang berugama dan berakhlak.

Ukoran burok dan baik dalam masharakat barat yang menjadi bahan tiruan sebaran 'am sekarang ini lebeh banyak berpandukan "naluri persendirian yang di-dasarkan kapada "ma-terialism" hidup". Chon-toh-nya pada masa ini te-lah timbul usaha untok menjudohkan manusia de-ngan memakai komputer — Ada-kah komputer bo-leh berchinta! Atau me-nganalisa chinta. Antara suami isteri? Ini berlainan dengan ukoran kebaikan keburokan dalam panda-ngan Islam yang telah pun di-maktubkan dalam un-dang2 Allah.

Islam mempunyai panda-ngan khas terhadap kehi-dupan, mempunyai ukoran yang tersendiri bagi burok dan baik, mempunyai tempat merujok bagi ukoran akhlak dan mempunyai kuasa peng-gerak dan mempunyai pendo-rong yang mendorong manu-sia untok menjalankan-nya.

Dengan pandangan yang demikian alat sebaran 'am berdakwah, dengan melalui tulisan, gambar, lakunan, ik-lan, irama, warna-warni dan lain2, melalui cherpen, sajak, drama, keritik, dan sa-umpa-ma-nya. Melalui sains, ilmu hisab, ilmu alam, bahasa, sas-tera.

Saya sangat tertarek mem-bacha karangan sa-orang dok-tor bedah otak dalam "The Reader's Digest' mengenai pengalaman-nya membedah otak sa-orang pesakit kanak2 perempuan berumor 6 tahun. Otak kanak2 itu telah beng-kak dan salah satu saloran darah yang dalam otak itu tiba2 telah pechah ketika di-bedah dan doktor itu bersusah payah menutop tempat darah memanchit itu dengan jari-nya berbalut kapas — memba-cha lebeh lanjut karangan-nya itu kita akan faham ba-gaimana sa-orang doktor be-dah otak yang terkenal sa-umpama itu akhir-nya menga-takan kuasa Allah-lah yang berada bersama-sama-nya, Al-lah bersama-nya dalam masa itu untok menguasai segala-gala-nya dan mentakdirkan anak itu terus hidup, walau pun pada asas-nya doktor itu beranggapan anak itu patut-nya sudah mati. Apabila ia melihat otak, kata-nya:

"I believe it would not have been achieved without Di-vine help in making the decisions and in the actual technical performance. Ma-ny research scientists seem to lose faith as their know-ledge increases. For me the opposite has occurred. My experiences with my pa-tients, and in my neurolo-gical research trying to un-ravel the mysteries of the brain, have put me more than ever in awe of brain. And I am left with no choice but to acknowledge the existence of a superior intellect, responsible for the design and development of the incredible brain — mind relationship — something far beyond man's capacity to understand." (Dr. Robert J. White, M. D., Ph. D.: Thoughts of a Brain Sur-geon, the Reader's Digest, October, 1978 Page 19).

Sunggohpun Profesor White ini sa-orang Nasrani, tetapi kata2-nya itu sa-sunggoh-nya "dakwah" sa-orang ahli sains kedoktoran mengenai kuasa Allah yang tidak dapat di-tandingi oleh manusia — yang bila kita membacha-nya kita boleh terpengaroh menerima pendapat-nya itu. Apa lagi kata2 itu dari sa-orang pro-fesor!

(BERSAMBONG)

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 7hb Mach, 1979 hingga ka-hari Selasa 13hb Mach, 1979 ada-lah saperti di-bawah ini: —**

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 7hb Mach | 12.37 | 3.56 | 6.37 | 7.48 | 5.00 | 5.14 | 6.29 |
| 8hb Mach | 12.37 | 3.56 | 6.37 | 7.48 | 5.00 | 5.14 | 6.29 |
| 9hb Mach | 12.37 | 3.56 | 6.37 | 7.48 | 5.00 | 5.14 | 6.29 |
| 10hb Mach | 12.37 | 3.56 | 6.37 | 7.48 | 5.00 | 5.14 | 6.29 |
| 11hb Mach | 12.35 | 3.54 | 6.37 | 7.48 | 4.58 | 5.12 | 6.27 |
| 12hb Mach | 12.35 | 3.54 | 6.37 | 7.48 | 4.58 | 5.12 | 6.27 |
| 13hb Mach | 12.35 | 3.54 | 6.37 | 7.48 | 4.58 | 5.12 | 6.27 |

**Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

**Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.**

# Perbarisan dari Askar Muda

SATU perbarisan tamat latehan penggal pertama bagi 31 orang anggota Pasokan Askar Muda Melayu Diraja Brunei telah di-ada-kan di-padang kawat pasokan itu di-Perkhemahan Bolkiah pada hari Jumaat, 23hb Februari lepas.

Perbarisan tersebut telah di-terima tabek hormat oleh YDM Pehin Datu Indera Negara Lt Kol Dato Paduka Mohd Ariffin bin Haji Abdul Wahab, Pegawai Pemerentah Pusat Latehan yang kemudian-nya telah juga memereksa perbarisan.




Hadhir sama dalam perbarisan itu termasok-lah pegawai2 kanan AMDB serta ibu-bapa anggota2 pasokan itu.

Pasokan Askar Muda Melayu Diraja Brunei yang baru di-tubohkan itu telah memulakan pengambilan ahli2-nya sejak sa-tengah tahun kedua 1978 dan mulakan kursus pada awal Januari tahun ini.

Mereka di-ajar dalam latehan asas tentera di-samping mengikuti mata-pelajaran2 akademik bagi perengkat biasa untok sa-lama kira2 tiga tahun.



**KELIHATAN YDM Pehin Datu Indera Negara Lt Kol Dato Paduka Mohd Ariffin ketika memereksa perbarisan di-upachara itu.**





**PASOKAN 'D' Kompeni Battalion Pertama bergambar ramai sa-telah berjaya menggondol piala rebutan dalam Peraduan Merantis yang di-adakan pada 22hb Februari lalu. Turut sama bergambar ia-lah YDM Pehin Datu Perkasa Mejar Dato Seri Laila Jasa Ishak, Pegawai Memerentah 'D' Kompeni (berdiri No. 2 dari kiri).**

# Jurutera Pertemporan bena pentas

SA-RAMAI 10 orang anggota pasokan Jurutera Pertemporan Askar Melayu Diraja Brunei pada 28hb Februari yang baru lalu telah berjaya menyiapkan sa-buah bangunan pentas baru bagi SM Putat di-Daerah Brunei III.

Kerja2 membuat dan menyiapkan bangunan itu telah di-mulai pada 20hb Februari bagi mengganti-kan pentas lama yang telah binasa oleh angin dari pesawat helikopter AMDB yang membuat pendaratan di-kawasan berkenaan ketika Latehan Tiga Kali Sorak di-adakan Disember lepas.

Kerja2 membena itu di-ketuai oleh Lt Afflon bin Dato Haji Hamidon, Pegawai Memerentah Jurutera Pertemporan dan pentas tersebut berukoran 25 kaki x 30 kaki dengan menelan belanja hampir $4 ribu.

**KELIHATAN dalam gambar bangunan pentas yang di-bena oleh pasokan tersebut yang di-ganti dengan perbelanjaan keseluruhan-nya di-biayai oleh Askar Melayu Diraja Brunei, kelihatan di-sebelah kiri pentas tersebut ia-lah pentas lama yang telah musnah. Dalam gambar bawah kanan tiga orang dari anggota pasokan jurutera pertemporan sedang memasang atap pentas berkenaan.**









**PIALA rebutan yang be- jaya di-gondol di-julang d- ngan penoh kegembiraan o- pasokan ini (gambar atas kali) sa-telah mengalahk- empat pasokan lain yang t- mengambil bahagian. Gam- atas anggota2 dari paso- yang mengambil bahag- (tiga orang di-sebelah kan- berbual-bual sa-telah men- biskan gerakan merantis m- ka ketika melaporkan kap- pegawai bertugas, sa-ba- mana tempat yang di-per- dingkan mereka perolehi. K- lihatan menghadap kam- ia-lah Kaptan Ambran B- Haji Mohd Noor, Ajutan B- talion Pertama AMDB.**





PERADUAN pada hari itu telah di-rasmikan oleh Awang Ahmad Bukhari bin Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah yang juga menyampaikan hadiah2 kapada pemenang2. Gambar kanan kelihatan beliau menyampaikan Oskar Kejohanan kapada ketua pasokan Sekolah Persediaan Inggeris Dato Jamil yang telah menjadi johan sementara gambar atas kelihatan empat orang murid yang mewakili Sekolah Persediaan Inggeris Dato Jamil yang membawa kemenangan kapada sekolah-nya.

# SPI Pehin Dato Jamil johan Peraduan Kuiz seluroh negeri

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sekolah Persediaan Inggeris Pehin Dato Jamil telah munchol sabagai johan dalam Peraduan Kuiz bagi Sekolah2 Persediaan Inggeris seluroh negeri yang telah di-langsongkan di-dewan Sekolah Melayu Pusar Ulak di-sini pagi Rabu, 28hb Februari lepas.

Peraduan itu telah di-rasmikan oleh Awg Ahmad Bukhari bin Pehin S'raja Khatib Haji Abu Hanifah, Pegawai Pentadbir di-Jabatan Pelajaran yang kemudian-nya telah juga menyampaikan hadiah2 kapada peserta2 peraduan itu.

Dalam peraduan kali ketujoh itu SPI Pehin Dato Jamil telah mengalahkan SPI Sengkurong. Perengkat awal peraduan itu telah mula di-jalankan pada 5hb Februari lepas.

Turut menyerikan peraduan itu ia-lah permainan hadhrah oleh murid2 Sekolah Persediaan Inggeris Bandar Seri Begawan.

Sementara itu bagi peraduan yang sama untok Sekolah2 Rendah Melayu, Sekolah Rendah Pehin Dato Jamil sa-kali lagi akan masok ka-perengkat akhir dengan bertemu Sekolah Melayu Panaga pada 10hb Mach ini bertempat di-SM Amar Pahlawan.

Sekolah Rendah Pehin Dato Jamil telah berjaya mewakili untok johan bagi Sekolah2 Rendah Melayu Brunei I dengan menewaskan SM Batu Marang iaitu johan Brunei II pada 24hb Februari dan mengalahkan SM Bebuloh pada 28hb Februari.

Bagi Peraduan Kuiz Sekolah Menengah Bawah, Maktab Anthony Abell, Seria akan bertemu dengan Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara. Kejohanan Maktab Anthony Abell itu di-perolehi sa-telah mengalahkan Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait di-perengkat tiga suku akhir, manakala Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan berjaya mengalahkan Sekolah Inggeris Berakas.



GAMBAR2 ini ia-lah suasana perarakan Maulud Nabi s.a.w. yang telah di-adakan di-Pekan Muara pada hari Jumaat 23hb Februari yang lalu.

Perarakan mengelilingi Pekan Muara itu bermula dan berakhir di-Padang Sekolah Melayu SUAS Muara. Lebeh dari 4,000 orang umat Islam di-kawasan Mukim dan kampong2 di-sekitar-nya mengambil bahagian dalam perarakan tersebut.

Perarakan pada hari itu telah di-dahului dengan satu perhimpunan di-mana uchapan2 dan sharahan telah di-adakan. Perhimpunan itu juga telah di-serikan dengan bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an dan persembahan Marhaban.

Sementara itu beberapa buah kampong, badan2 kebajikan dan Kelas2 Kor'an di-negeri ini juga mengadakan sambutan yang sama sepanjang bulan lalu.



# Ahli2 J-kuasa PTMB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Trengkas Melayu Brunei—PTMB telah mengadakan Mashuarat Agong kali kalapan-nya bertempat di-Dewan Sekolah Melayu Pusar Ulak di-sini minggu lalu.

Mashuarat tersebut adalah bertujuan untok melantek sa-ramai sembilan orang Ahli2 Jawatankuasa Tertinggi dan empat orang Ahli2 Jawatankuasa bagi mengendalikan perjalanan persatuan itu bagi musim tahun 1979 — 1981.

Awang Ibrahim bin Haji Md Tinggal telah di-pileh selaku Yang Dipertua, Pengiran Metarshad bin Pg Matassan — Naib Yang Dipertua dan merangkap Setia Usaha Perdagangan dan Kemajuan.

Awang Abdullah bin Mohd Tahir — Setiausaha Agong, Awang Ibrahim bin Mohd Yussoff — Timbalan Setiausaha Agong, Awang Tamit bin Hanafiah — Bendahari, Awang Abd Ghani bin Abu Bakar — Pemereksa Kira2, Awang Abu Bakar bin Samad — Setiausaha Penerangan dan Penerbitan dan Haji Serudin bin Md Tarif — Setiausaha Sosial dan Kebajikan.

Empat orang telah di-lantek selaku ahli2 jawatankuasa. Mereka ia-lah Awang Ahmad bin Haji Chuchu, Dk Rosnah bte Pg Bakar, Awang Ibrahim bin Jamuddin dan Haji Awang bin Haji Ajak.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei ketika menyertai perlawanan dalam kejohanan Polo itu.

# SEKITAR PERLAWANAN POLO ANTARABANGSA BRUNEI KALI KEDUA

PASOKAN2 Brunei telah menchapai kemenangan dalam perlawanan2 polo yang telah di-adakan sa-lama empat hari yang berakhir pada 25hb Februari yang lalu.

Pasokan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang di-ketuai oleh Baginda sendiri telah munchol sa-bagai juara dalam Kejohanan Polo Antarabangsa Brunei kali yang kedua itu.

Pasokan DYMM Baginda Sultan juga memenangi tiga lagi perlawanan yang di-sertai oleh Baginda dalam kejohanan itu.

Pasokan Perdana Devils yang di-ketuai oleh YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohd Bolkiah (gambar bawah) menjadi juara dalam dua perlawanan. Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei memenangi dua perlawanan. Pasokan Pulis Diraja Brunei memenangi satu perlawanan. Pasokan2 AMDB dan Pulis Diraja juga menerima hadiah2 kerana berjaya memasoki perlawanan suku-akhir bagi merebut Piala Presiden. Pasokan Jerudong Park memenangi satu perlawanan.

Dua perlawanan lagi masing2 di-menangi oleh Pasokan Diraja Pahang dan Selangor.

Perlawanan2 telah di-adakan di-Padang Polo Jerudong dan Berakas sementara perlawanan akhir di-adakan di-Padang Polo Jerudong.

Sa-banyak 10 buah pasokan — lima dari luar negeri telah menyertai kejohanan pada tahun ini. Pasokan2 luar negeri itu ia-lah Pahang, Selangor, Singapura, Filipina dan Hong Kong.

**Lain2 gambar dalam ruangan ini menunjokkan perlawanan2 yang di-adakan dalam kejohanan itu.**











# RANCHANGAN TV MINGGU INI

**Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.**

## RABU — 7HB MACH,

PETANG

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 STAR TREK — "Arena"
6.37 AZAN MAGHRIB
6.41 STAR TREK — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 THE PAPER CHASE — "Belf and Love"
7.48 AZAN ISHA
7.52 THE PAPER CHASE — sambongan
8.00 DR IN CHARGE — "The Epidemic"
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.05 SHOW OF THE WEEK — "Cilla Black"
9.55 F. A. CUP SOCCER
10.45 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 8HB MACH,

PETANG

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA

## WKRP IN CINCINNATI

DALAM episod minggu ini "Hold Up" pengurus perniagaan Herb Tarlek mempunyai ilham yang menakjubkan untok menyiarkan sa-chara langsong dari kedai Stereo.

Segala2-nya berjalan dengan baik sa-hingga sa-orang pelanggan mengeluarkan senapang dan meminta Johnny Fever, penipu tentang piring2 hitam itu untok menyerahkan pembesar suara-nya.



Gambar atas: Howard Hesseman memainkan peranan sa-bagai sa-orang penipu tentang piring2 hitam Dr Johnny Fever (juga terkenal dengan nama Johnny Sunshine, Johnny Cool dan Johnny Midnight!) dalam siri komidi baru di-RTB.

6.02 BIG BLUE MARBLE
6.30 DR WHO "Genesis of the Daleks" — Bahagian kedua
6.37 AZAN MAGHRIB
6.41 DR WHO — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 THE BIG VALLEY — "The Murdered Party" Jarrod menentang bandar-nya dan menyebabkan pergeseran dengan keluarga-nya sendiri apabila ia menerima pembelaan ka-atas sa-orang lelaki yang di-tudoh membunoh sa-orang raayat yang terkemuka.
7.48 AZAN ISHA
7.52 THE BIG VALLEY — sambongan
8.00 HIDAYAT
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 DOKUMENTARI MELAYU: Audubon Wildlife Theatre "Wildfowl Sanctuary" Filem ini mengemukakan thema bahawa manusia dapat hidup berhampiran dengan penghidupan liar asalkan sahaja ia menghormati persekitaran yang di-perlukan untok kebajikan mereka.
9.15 TAYANGAN FILEM MELAYU
11.15 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 9HB MACH,

PETANG

5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 THE FLOWER STORIES
5.45 CLOPPA CASTLE — "Idlebones Idleness Pays Off"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 C B BEAR — "The Invasion of the Blobs"
6.30 CHILDREN OF THE STONES — Episod 7 "Full Circle"
6.37 AZAN MAGHRIB
6.41 CHILDREN OF THE STONES — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 MORK AND MINDY Siri komidi baru. Mork yang sunggoh luchu dari Planet Ork mendarat di-bumi di-mana ia berkenalan dengan si-jelita, Mindy.
7.48 AZAN ISHA
7.52 MORK AND MINDY — sambongan
8.00 THE DICK EMERY SHOW — Siri terakhir bagi ranchangan ini.
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 THE DAVID NIXON MAGIC SHOW
9.30 QUINCY — "An Unfriendly Radiance" Quincy terpaksa membela sa-orang bekas banduan yang di-tangkap sa-chara tidak adil kerana memileki narkotik dan di-tudoh membunoh.
10.20 PERLAWANAN GUSTI
11.20 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 10HB MACH,

PETANG

5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 THE LOST ISLANDS — "The Thieves of Tambu"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET
6.37 AZAN MAGHRIB
6.41 SESAME STREET — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 DALLAS
7.48 AZAN ISHA
7.52 DALLAS — sambongan
8.00 TAHU-KAH AWDA
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.05 STARSKY AND HUTCH — "The Collector"
9.55 F.A. CUP SOCCER
10.45 TAYANGAN MALAM SABTU — "The Christmas Coal Mine Miracle" Kesah keluarga Sullivan, di-mana chinta dan kaseh menolong mereka mengatasi trajidi2 yang menimpa di-Hari Menjelang Kerismas pada tahun 1951.
12.15 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 11HB MACH,

PETANG

5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 CHOMAT DAN CHOMEL — "Kenderaan"
5.45 OSCAR THE RABBIT IN RUBBIDGE — "Flying Kettles"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 HOW
6.30 THE ADVENTURES OF BLACK BEAUTY — "The Ruffians"
6.37 AZAN MAGHRIB
6.41 THE ADVENTURES OF BLACK BEAUTY — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 RETURN OF THE SAINT — "The Diplomat's Daughter" Dadah dan sa-orang gadis dalam kesusahan menyebabkan The Saint menuju ka-Peranchis.
7.48 AZAN ISHA
7.52 RETURN OF THE SAINT — sambongan
8.00 WKRP IN CINCINNATI — "Hold Up"
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 MUTIKA
9.45 DRAMA: THE GOVERNOR — Episod 5 "The Lame Seagull"
11.00 THAT'S HOLLYWOOD
11.30 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 12HB MACH,

PETANG

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 MAYA — "A Bus For Ramabad"
6.37 AZAN MAGHRIB
6.41 MAYA — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 CHARLIE'S ANGELS — "Pom Pom Angels"
7.48 AZAN ISHA
7.52 CHARLIE'S ANGELS — sambongan
8.00 DESA MEMBANGUN
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 MAJALLAH BRUNEI




**GAMBAR: Jack Klugman sa-bagai Quincy dalam episod "An Unfriendly Radiance", yang akan di-siarkan pada hari Jumaat 9hb Mach jam 7.10 malam.**

**Dalam siri ini Quincy menemui kesusahan untok menyelesaikan masaalah sa-orang bekas banduan yang di-tahan dengan chara yang tidak adil kerana memileki narkotik dan membuat pembunohan tanpa kerelaan-nya.**

9.05 HAWAII FIVE O — "Ring Of Life" Hadiah satu juta ringgit di-tawarkan bagi pengembalian lima buah patong yang hilang dari Lembah Kashmir.
9.55 WILDE ALLIANCE — "Express from Rome" The Wildes berchuti di-Rome dan Rupert berchadang untok pulang ka-Paris mengikut jalan darat bagi mendapatkan bahan untok nobel-nya yang terbaharu.
10.45 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 13HB MACH,

PETANG

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET
6.37 AZAN MAGHRIB
6.41 SESAME STREET — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 NANCY DREW AND THE HARDY BOYS MYSTERIES
7.48 AZAN ISHA
7.52 NANCY DREW AND THE HARDY BOYS MYSTERIES — sambongan
8.00 SERIKANDI
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 ARENA SOKAN
9.25 DOCUMENTARY: Horizon — "The Children of Peru"
10.15 THE PROFESSIONALS — "First Night" Sa-orang menteri Israel yang penting dalam lawatan ka-London di-cholek dan C15 di-tugaskan menchari beliau.
11.05 SIARAN TAMAT.

# PERTANDINGAN MUTIKA '79

# SUKU AKHIR SIRI NO. 10

## Tarikh siaran: 11hb Mach, 1979

TUJOH orang peserta akan bertanding dalam bahagian suku akhir MUTIKA '79 kesepuloh. Mereka ada-lah saperti yang AWDA dapat saksikan dalam gambar di-bawah ini. Dua di-antara mereka akan di-tentukan oleh para hakim yang di-lantek untok memasoki pusingan separoh akhir dan peserta yang ketiga ada-lah pilehan AWDA sendiri.

Di-bawah ini kami sediakan satu petak kosong bagi AWDA memileh siapakah PESERTA YANG KETIGA yang layak yang AWDA chalunkan memasoki pusingan separoh akhir nanti. AWDA hanya di-kehendaki membuboh Nombor saja ka-dalam petak yang kosong, dalam Borang yang di-sediakan, di-bawah.

Pilehan AWDA mesti-lah sampai kapada Penerbit MUTIKA '79 tidak lewat dari hari Sabtu 17hb Mach, 1979 jam 3.00 petang.



1. Ak Yunus Pg Haji Ahmad



2. Ramlah Haji Md Yassin



3. Allias Haji Omar



4. Nora Haji Darum



5. Ak Zaidi Pg Haji Damit



6. Kustina Ma'aruf



7. Ali Rahman Haji Salat

— POTONG DI-SINI —

PENERBIT MUTIKA '79
RADIO TALIVISHEN BRUNEI,
BANDAR SERI BEGAWAN,
BRUNEI.

MUTIKA '79 SUKU AKHIR
SIRI No. 10

Saya (nama penoh) : .................................... I/C No: ....................

Alamat penoh: ..............................................................................

memileh peserta yang di-nyatakan dalam petak sa-bagai chalun yang ketiga untok memasoki ka-pusingan separoh akhir.

NO: [ ]

Tarikh:............................ Tanda tangan.

RANCHANGAN yang paling tua sekali di-Radio Brunei ia-lah ranchangan Lagu2 Permintaan. Kita tidak tahu tarikh lahir ranchangan ini yang tepat tetapi di-anggarkan ranchangan ini sama tua-nya dengan perkhidmatan radio di-negeri ini. Sahingga ini walau pun ia menghadapi beberapa saingan sumber hiboran namun ranchangan lagu2 permintaan ini tetap segar malah lebeh ramai peminat-nya dari semasa ka-semasa.

Pada masa ini beribu surat yang mengandongi lagu2 permintaan maseh tersimpan di-tiap2 bahagian Radio Brunei ia-itu Bahagian Melayu, China dan Inggeris. Di-samping itu sa-tiap hari surat2 permohonan lagu2 permintaan di-terima dari peminat-nya di-negeri ini dan dari negara tetangga.

Jika di-tanya kapada peringkat golongan pendengar radio apa faedah-nya ranchangan lagu2 permintaan ini kita menerima berbagai2 pendapat. Ada yang mengatakan ranchangan itu merosakkan jenerasi muda, ada yang mengatakan ranchangan itu membuat anak2 muda gila bayang, malah tidak kurang pula yang mengatakan ranchangan itu mengajar dan menolong anak2 muda berchinta. Tetapi yang pelek-nya semakin ranchangan itu di-kecham semakin ramai pula peminat-nya, malah golongan muda-mudi berpendapat di-antara ranchangan2 radio, ranchangan lagu2 permintaan itu 'the best'. Begitu-lah selera masing2.

Tetapi Radio Brunei mengadakan ranchangan itu selain dari tujuan menghibor kita mempunyai beberapa matalamat di-sebalek-nya. Dalam lagu2 permintaan kita dapat menyalorkan pengumoman2, dan menyampaikan message yang berfaedah kapada anak2 muda itu. Tentu-lah agak merupakan satu kerja yang sia2 belaka jika kita menyampaikan 'message' kapada anak2 muda melalui ranchangan2 yang tidak di-sukai mereka, kerana mereka akan tutop telinga dan tutop radio.

Dan kita mempastikan bahawa ranchangan lagu2 permintaan ini juga dapat menarek sa-bahagian besar para pendengar untok mengikuti siaran Radio Brunei dan kita perchaya jika ranchangan ini di-hentikan maka kita perchaya ramai di-antara para pendengar akan menchari hiboran ka-steshen2 lain. Semua ini ada-lah menjadi perhitongan kita.

## APA FAEDAH-NYA LAG




Ini-lah surat2 yang mengandongi lagu2 permintaan yang

## "The Children of Peru" –

DOKUMENTARI minggu ini, hari Selasa jam 9.25 malam memperlihatkan tentang Peru salah sa-buah tempat perikanan yang besar di-dunia. Tapi berjuta2 tan protein di-hantar untok makanan babi sedangkan kanak2 di-Lima kelaparan. Sa-bahagian besar dari tanah2 subor di-negeri ini di-penohi oleh tumboh2an biji2an untok di-ekspot. Tapi penyelidekan yang baharu menunjokkan yang penghazaman ada-lah lebeh burok dari yang di-sangkakan sa-seorang kanak2 dalam usia lima tahun ada-lah dalam kekurangan makanan.

High Andes yang menarek ada-lah satu dari sumber terkaya di-dunia yang mengeluarkan banyak tumboh2an baru — terima kaseh kapada perubahan2 yang besar mengenai orang2 asli dan kebolehan mereka untok membiakkan tumbohan 'Inca'. Mereka ada-lah rumah ubi2 kentang — satu dari makanan dunia yang paling mustahak.

Dan di-dalam hutan, di-mana sayor tidak pernah tumboh sa-belum-nya, Pusat Ubi-Kentang Antarabangsa telah berjaya menaikkan ketegangan yang

## Ranchangan baru di-Radio:

## Dari Kampong ka-Kampong

SA-BUAH lagi ranchangan baru Radio Brunei, Dari Kampong Ka-Kampong akan menemui para pendengar bulan ini. Dalam urusan pembangunan negara projek2 kerajaan menjalar sampai ka-kampong2 di-seluroh negeri ini. Bagaimana dudok2 kampong men[...]but dan menggunak[...] gala kemudahan yan[...] sediakan oleh kerajaa[...] untok meningkatkan [...] hidup mereka. Semu[...] ada-lah menjadi bahan [...]lam ranchangan baru Dari Kampong Ka-K[...]pong.

Di-samping itu ranch[...]an ini juga membinc[...]kan masaalah2 yang [...]hadapi oleh kampong2 [...] bagaimana Ketua2 K[...]pong atau Penghulu2 m[...]atasi-nya demi kepent[...] anak2 kampong mereka.

Para belia di-kampong2 [...]rupakan tulang belakan[...] [...]majuan sa-sebuah ka[...] itu dan mereka di-ang[...]bagai khazanah kampong [...] sangat berharga. Di-[...] mereka-lah lebeh banyak [...] letak-nya kemajuan sa-[...] kampong itu. Kerana itu [...]nan mereka akan [...] menjadi bahan dalam [...]ngan ini.

Selain dari itu, ranch[...] ini juga akan meng[...]kan bakat2 senibudaya [...] tersorok atau tersembu[...] kampong2 di-negeri ini [...]kat2 mereka akan dapat [...]ikuti dalam ranchangan [...] Kampong Ka-Kampong.

Mungkin minggu dep[...]nerbit ranchangan ini [...] ka-kampong Awda.



KETUA Kampong Limau Manis Haji Ladi bin Omar sedang di-temu ramah oleh Awang Ali Haji Aji dalam ranchangan baru Dari Kampong Ka-Kampong.

## ERMINTAAN?




...menanti giliran untok di-siarkan.

## ...mentari Horizon

...rkan masa menuai sa-lepas hanya satu ...bi2 kentang maseh juga susah di-dapati ... sa-paroh dari bekalan ada-lah mus-...

"T...en of Peru" bertanya mengapa sandi-... ...njumpaan tumboh2an dan pembiakkan ... menolong orang yang sa-patut-nya ...tongan.

...erlawanan dengan kehidupan kampong ... di-mana tradisi menolong diri sendiri ...rkurun2 lama-nya itu telah memberi ... sekolah, lori perhubongan, bas dan ...k dengan rabaan projek2 besar di-atas ... yang membangun, saperti ampangan ... juta ringgit yang memerlukan rajah ...ng sesuai untok mengatasi kekurangan ...-ringgit untok di-belanjakan dalam ...menunjokkan mengapa orang2 India ...a tiga juta alpaka di-High Andes ti-...erima berita yang baik tentang bagai-...emperbaikki kelompok2 mereka.

D... dalam latar belakang yang menarek ...m ketinggian yang lebeh dari enam-...i laporan itu menyelideki satu dari ...iran besar mengapa kanak2 kelaparan. ...an untok memohon teknologi baru ...-menar-nya di-perlukan.

## ROM SCHOOL TO SCHOOLS



...lish Service of Radio Brunei ... broadcast of a new series of ...l programmes "From School ...s". The first programme will ...cast on Friday 16th March, ...15 am and to be repeated the ...ing from 8.00 to 8.30.

...hool to be featured in our ...ramme will be the Sufri Bol-...sh School, Tutong.

...shows some of the people involved ...ction of this programme. (L to R : ...l Barrett, Awang Abdul Rahman ...udent), Che'gu Hanafi Haji Mat ...gu Jaafar Rais, and Che'gu Mohd ...T (seated).



RANCHANGAN "Siswazah Brunei" keluaran minggu ini akan di-penohi dengan cherita2 dan pengalaman2 yang menarek yang di-alami oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Seruddin, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei, semasa Yang Berhormat itu mula2 mendapatkan pelajaran asas sa-hingga-lah Yang Berhormat berjaya memperolehi ijazah dari University Al-Azhar.

Ranchangan ini akan dapat Awda ikuti pada hari Jumaat pukul 7.30 malam.

**GAMBAR atas kelihatan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Seruddin, sedang di-temu ramah oleh Awg. Zaini Mohd Yusof.**

## RANCHANGAN TVP MINGGU INI

SIRI Mari Kita Berbahasa Inggeris, ranchangan ketiga akan di-pancharkan pada hari Isnin 12hb Mach, 1979 pada pukol 8.50 pagi. Dalam ranchangan ini murid2 akan di-ajar bagaimana menyebut dan mengenal nama2 warna dalam Bahasa Inggeris. Murid2 juga akan di-hiborkan dengan sa-buah lagu oleh Croc, Monkey dan Chegu Jinab. Ikut-lah menyanyi bersama mereka. Untok panduan, senikata lagu ini ada-lah saperti di-bawah :

One, two, put on your shoe.
Three, four, close the door.
Five, six, pick up the sticks.
Seven, eight, go to the gate.
Nine, ten, sing it again.



Ini-lah gambar yang di-ambil dari Siri Mari Kita Berbahasa Inggeris ranchangan ketiga.

Siri Ranchangan Sains dan Hidupan Di-Brunei, ranchangan ketiga bertajok Hidupan di-Ayer 3. Ranchangan ini ada-lah kumpolan dari ranchangan pertama dan kedua. Dalam ranchangan ini murid2 akan di-tunjokkan chara2 menangkap ikan di-laut dengan menggunakan pukat tunda, dan menangkap ketam di-ayer sungai dengan menggunakan bintor. Ranchangan ini akan dapat di-ikuti pada pukol 9.20 pagi.

Kedua-dua ranchangan TVP ini akan di-ulangkan pada 13hb, 14hb dan 15hb Mach bersamaan dengan hari Selasa, Rabu dan Khamis pada jam yang sama.

## Desa Membangun — siri kedua

DALAM siri kedua Desa Membangun yang telah di-siarkan pada hari Isnin yang lalu para penonton telah mengikuti tiga topik ia-itu Perusahaan Menanam Sayor Beramai2, Kesihatan Pelabohan Binatang, dan Memileki Jentera Pembajak.

Dalam topik utama, Perusahaan Menanam Sayor Beramai2 ranchangan Desa Membangun, para penonton telah mengikuti sa-jauh mana perkembangan2 dan kemajuan yang telah di-chapai oleh pendudok2 di-Kampong Rimba Gadong dan Kampong Kapok Muara. Di-samping itu, penerangan2 akan juga di-beri oleh Pegawai Pertanian, Bahagian Pengembangan Brunei/Muara Awg Bakri Haji Momin, bagaimana Jabatan Pertanian melaksanakan bantuan-nya, dan chara menanam sayor yang sistemetik.

Dalam ranchangan itu para penunton telah mengetahui langkah2 yang di-buat oleh Jabatan Haiwan dalam mengawal kesihatan binatang2 yang di-datangkan dari luar negeri.

Dan di-topik yang terakhir, apa-kah pula yang perlu di-buat ka-atas Jentera Pembajak sa-belum ia-nya di-bawa ka-sawah.



**AWANG Metussin dari Kelinik Haiwan (kiri) memereksa anak2 ayam yang di-impot dari Singapura melalui udara dan gambar bawah pula, Awang Abdul Rahim dari Bengkel Pertanian Kilanas menerangkan chara2 memelihara jentera pembajak.**



## Siri komidi baru — Mork and Mindy

PADA hari Jumaat ini jam 7.10 malam, RTB mempersembahkan buat pertama kali-nya satu siri komidi bertajok MORK and MINDY.

Mork datang dari Planet Ork, tetapi dia tidak begitu chochok berada di-sana di-sebabkan oleh watak-nya yang suka berjenaka. Dia merasa gembira bila dia di-hantar dalam rombongan untok menyelideki bumi yang pendudok-nya lebeh mundor dan melaporkan balek dengan mengunakkan hubongan yang tidak memakai pancha indera kapada ketua-nya Orson.

Dia tiba di-Boulder, Colerado dan bertemu Mindy Mc Donnel, siapa yang baru saja di-tinggalkan oleh teman lelaki-nya. Mereka pergi ka-tempat tinggal Mindy dan Mork segera menyakinkan-nya yang dia ada-lah orang asing dari angkasa lepas. Mindy merasa ingin benar untok menyelamatkan-nya dan ingin menolong-nya. Mork bagaimanapun mesti banyak mempelajari tentang kehidupan di-dunia dan membawakan-nya kapada keadaan kesusahan, (dan keluchuan)!

# Susunan ranchangan MINGGUAN RADIO

## RABU

PAGI: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Majallah sain dan perusahaan (SU); 8.30 — Chitra irama; 9.00 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Cherpen dan salokan-nya; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran selingan; 10.30 — Ruangan muda mudi; 11.30 — Autograph pendengar. **T/HARI:** 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tahu kah awda?; 1.30 — Sekitar masharakat (SU). **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama di-senja; 6.00 — Tafsir Al-Koran (SU) — Azan fardhu magrib dan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Permintaan parajurit — Azan fardhu isha; 7.30 — Hiboran pilehan; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mengenang zaman silam; 9.00 — Terima-lah sampul surat/Dari bengkel penulis; 9.30 — Usaha jaya; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## KHAMIS

PAGI: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.15 — Rampaian London (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Varia Peristewa (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran selingan; 10.30 — Teman mekar (SU); 11.00 — Usaha Jaya (SU); 11.30 — Rampaian irama. **T/HARI:** 12.00 — Selingkar madah — Azan fardhu dzohor; 12.15 — Hiboran rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Kisah dan tauladan; 1.30 — Tunas harapan. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Siri mukkadam; 6.00 — Mari berzikir — Azan fardhu magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Hidayat — Azan fardhu isha; 7.30 — Permainan gambus; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mari berpantun (SU); 9.00 — Sandiwara radio; 9.30 — Tahukah awda? (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## JUMAAT

PAGI: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 7.45 — Siri mukkadam (SU); 8.00 — Pertanian dan perikanan; 8.30 — Pelajaran dewasa di-udara; 9.00 — Apa pilehan awda; 9.30 — Tafsir Al-Koran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Apa pendapat awda; 10.30 — Kursus Al-Koran; 11.00 — Mengenang Zaman Silam; 11.30 — Hidayat (SU). **T/HARI:** 12.00 — Permainan gambus; 12.30 — Menunaikan sembahyang fardhu Jumaat siaran langsong dari Masjid Omar Ali Saifuddin; 1.15 — Irama padang pasir; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Selingan irama. **PETANG:** 2.00 — Untok Belia; 2.30 — Suara dari bintang2; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Soalan di-udara; 3.30 — Mutika 79 — Azan untok fardhu asar; 4.00 — Suara dari pusat tingkatan enam; 4.30 — Di-bumi bertuah; 5.00 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat; 6.00 — Irama lagu asli — Azan untok fardhu magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Cherpen dan Salokan-nya — Azan fardhu isha; 7.30 — Brunei Graduates; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Kisah dan tauladan (SU); 9.00 — Autograph pendengar; 9.30 — Chitrawara; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

### APA PILEHAN AWDA



DAYANG Zainab bte Ibrahim, No. 67, Kampong Serasa, Muara akan di-beri peluang untok memileh lagu2 dalam ruangan hiboran 'Apa Pilehan Awda' minggu ini.

Lagu2 pilehan Dayang Zainab akan di-siarkan pada hari Jumaat 9hb Mach, 1979 jam 9.00 pagi dan siaran ulangan-nya pada hari Sabtu jam 9.30 pagi.

## SABTU

PAGI: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Apa pendapat awda (SU); 8.15 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Chitrawara (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Selingan irama; 10.30 — Panorama radio (SU); 11.00 — Majallah shell (SU); 11.30 — Suara dari bintang2 (SU). **T/HARI:** 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan fardhu dzohor; 12.30 — Hiboran rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Brunei Graduates (SU); 1.30 — Untok seminggu. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Buloh perindu — Azan magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Chitra irama (SU) — Azan isha; 7.30 — Tunas harapan (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Selingkar madah (SU); 9.00 — Bertuturan; 9.30 — Suara pusat tingkatan enam (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## AHAD

PAGI: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Mastika radio; 8.30 — Dunia wanita; 9.00 — Keluarga si-awang; 9.30 — Taman mekar; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30 — Mari berpantun; 11.00 — Bengkel penulis/Terima sampul surat; 11.30 — Hello siapa di-sana. **T/HARI:** 12.00— Sandiwara radio; 12.15 — Azan fardhu dzohor; 12.30 — Rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Pesta ria/Persembahan pancharagam; 1.45 — Ruangan ketani. **PETANG:** 2.15 — Suara Pulis Diraja; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Ruangan bertuturan (SU) — Azan asar; 4.00 — Arena sokan; 4.30 — Majallah shell; 5.00 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Komintar radio; 6.00 — Buloh perindu (SU) — Azan magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Suara parajurit — Azan isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Sekitar masharakat; 9.00 — Keluarga jaya; 9.30 — Mari berzikir (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan illahi 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## ISNIN

PAGI: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Peristewa dunia minggu ini; 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Sain dan perusahaan; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang dengan ku; 10.30 — Suara parajurit (SU); 11.30 — Dari jiran tetangga. **T/HARI:** 12.00 — Komintar radio (SU) — Azan dzohor; 12.30 — Hiboran rampaian; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Keluarga jaya (SU); 1.30 — Dendang asli. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama di-senja — Azan magrib di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Arena sokan (SU) — Azan isha; 7.30 — Keluarga si-awang (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Tamu minggu ini; 9.00 — Pertanian dan perikanan (SU); 9.30 — Seminggu dalam kenangan; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SELASA

PAGI: Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Dunia wanita (SU); 8.30 — Varia peristewa; 8.45 — Dendang antarabangsa; 9.45 — Rampaian London; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Senandong ria; 10.30 — Sa-minggu dalam kenangan (SU); 11.00 — Mastika radio (SU); 11.30 — Pop Science music. **T/HARI:** 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan fardhu dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tamu minggu ini; 1.30 — Pelajaran dewasa di-udara (SU). **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Persembahan anika instrumental — Azan fardhu magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Ruangan ketani (SU) — Azan untok fardhu isha; 7.30 — Salam dari ku; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Suara Pulis Diraja (SU); 9.15 — Di-bumi bertuah (SU); 9.45 — Senandong Asli; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

# RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGGERIS

## WEDNESDAY

**AM:** 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Lunch Music. **NOON:** 12.00—Hits In Germany (repeat). **PM:** 12.30 — News; 12.45 — International Money Programme; 1.00 — Music Roundabout: The John Fox Orchestra and Singers; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement—Hot Questions — Cool Replies (repeat); 8.15 — Midweek Greetings by Jaafar Yaakub; 8.45 — Dateline; 9.15 — News; 9.30 — Writers' Workshop (repeat); 10.00 — Close Down.

## THURSDAY

**AM:** 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon . . . we invite you to hop abroad our non-stop musical express; 11.45 — World of Education; **NOON:** 12.00 — My Word. **PM:** 12.30 — News; 12.45 — Behind the news produced by Jaafar Yaakob; 1.15—Rock Line; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Young Sound with Tajul Ahmad; 8.30 — Radioscope (repeat); 9.00 — What's Wrong with Me Doctor by Shirley Don; 9.15 — News; 9.30 — Before we say goodnight by Ak. Hishamuddin Pg Yaakub; 10.00 — Close Down.

## FRIDAY

**AM:** 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Calling On You presented by Sheikh Abas. **NOON:** 12.00 — Radioscope produced by Vivianty Ali. **PM:** 12.30 — News; 12.45 — The Singing Bamboo produced by Shirley Don; 1.00 — Donna Summer —Live (Part 1) compiled and produced by Charan Chand; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Just A Minute; 8.30— The Price of Fear; 9.00 — Light Music from The Netherlands; 9.15 — News; 9.30 — Behind the News (repeat); 9.45 — A Date with Gordon Lightfoot; 10.00 — Close Down.

## SATURDAY

**AM:** 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Annoucement — The Price of Fear (repeat); 11.30 — International Call. **NOON:** 12.00—Stringsound. **PM:** 12.30—News; 12.45 — BBC World Report; 1.00 — Just for Variety produced by Sheikh Abas; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Singing Bamboo (repeat); 8.15 — Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 9.15 — Top of the Pops; 10.00 — Close Down.

## SUNDAY

**AM:** 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half-Hour produced by Veronica Shim; 11.30 — Women's World produced by Charan Chand. **NOON:** 12.00 — Forum (repeat). **PM:** 12.30 — News; 12.45 — Hot Questions — Cool Replies produced by Nafisah Haji Ali; 1.00 — The Musical Diary compiled and produced by Nafisah Haji Ali; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — 83rd Season of Henry Wood Promenade Concert; 9.00 — Your World; 9.15 — News; 9.30 — Sunday Night Special with Jaafar Yaakob; 10.00 — Close Down.

## MONDAY

**AM:** 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Music-Go-Round — an uninterrupted programme of music and songs for your listening pleasure; 11.45 — Perspective. **NOON:** 12.00 — Dad's Army. **PM:** 12.30 — News; 12.45 — Science Pop produced by Shirley Don; 1.15 — Man and Health; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Higher and Faster — News from the World of Sport; 8.15 — Monday's Night Mail presented by Veronica Shim; 9.15 — News; 9.30 — Thirty-Minute Theatre: The Taxman Cometh by Sheila Stewart; 10.00 — Close Down.

## TUESDAY

**AM:** 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Housewives' Special; 11.45 — International Sports Magazine. **NOON:** 12.30 — 'A-Pickin and A-Grinnin' — The History of Country Music. **PM:** 12.30 — News. 12.45 —What's Wrong with Me Doctor by Shirley Don (repeat); 1.00 —Hello Tomorrow; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Stereo Pop Special featuring Joan Baez Part 1; 8.30 — It Is All Yours produced by Veronica Shim; 9.00 — Man in A Changing World; 9.15 — News; 9.30 — Melody Time; 10.00 — Close Down.



uga di-sampaikan oleh DYTM Paduka Seri Begawan Sultan Sir Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin. Gambar atas DYMM Sultan rima Piala Bolkiah yang di-sampaikan oleh Duli Yang Teramat Seri Begawan Suitan.

bawah pula DYMM Sultan Pahang menerima hadiah bagi perse- di-sampaikan oleh DYMM Tengku Ampuan Pahang.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei menerima Piala Kejohanan yang di-sampaikan oleh DYMM Tengku Ampuan Pahang.











PENGERUSI Jawatankuasa Tabong Derma Anak2 Yatim Daerah Brunei-Muara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Makhota Pengiran Muda Haji Kamaluddin telah menerima dua sumbangan derma berjumlah $3,500 untok tabong tersebut pada Hari Sabtu yang baru lalu.

Penderma2 itu ia-lah Awang Haji Tuah bin Ahmad sa-orang peniaga dan kontraktor tempatan yang menderma sa-banyak $3,000 dan Dayang Hajjah Timbang bte Mat Serud-din sa-banyak $500.00. Penyampaian chek dan wang tunai itu telah di-adakan di-pejabat Perpindahan dan di-saksikan oleh Setia Usaha Jawatankuasa Derma Anak2 Yatim, Pg Haji Abas bin Pg Haji Besar.

# PEMENANG2 PERADUAN MENULIS CHERITA KANAK-KANAK MAJALAH MEKAR

BANDAR SERI BEGAWAN.—Peraduan menulis cherita kanak2 Majalah Mekar yang di-anjorkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada Oktober tahun lepas telah mengeluarkan keputusan mereka yang memenangi peraduan tersebut.

Peraduan itu yang terbahagi kapada dua bahagian 'A' dan 'B' telah memperuntokkan 13 hadiah tiap2 satu bahagian. Dalam bahagian 'A' ia-nya terbuka untok kanak2 yang berumor 14 tahun ka-bawah dan bahagian 'B' untok kanak2 berumor 15 hingga 18 tahun.

Hadiah pertama bagi peraduan bahagian 'A' telah di-menangi oleh Irwan bin Haji Abd Rahman dari Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara (aliran sains), tempat kedua di-menangi oleh Zurianah bte Karim dari SPI. Gadong dan ketiga oleh Ak Arifin bin Pg Dahari dari No. 6, Kampong Anggerek Desa.

Pemenang hadiah saguhati dalam bahagian ini terdiri dari Setiawati bte Leman, Shahfini bte Abd Ghani, Saliah bte Mohammad, Dk Hasnah bte Pg Bakar, Lim Kim Hong, Mohd Ridzuan bin Haji Besar, Roslani bte Abd Raffar, Ak Mohd Embran bin Pg Haji Yosni, Zulkapli Kachi dan Bandang bin Perayam.

Dalam bahagian 'B' pemenang pertama di-terima oleh Susis bin Ukoi dari No. 87, Kampong Bang Nukat Lamunin; kedua, Haminah bte Haji Kudil dari STPRI dan ketiga, Kifrawi bin Md Yusof, d/a Saidi bin Md Yusof, Pejabat Perubatan Kuala Belait.

Sa-puloh pemenang saguhati juga di-pileh dalam bahagian ini yang terdiri dari Muznibi bin Anuar, Liman bin Rosman, Abdul Salam bin Abdul Mo'min, Ahmad Basuni bin Abbas, Johar bin Mohammad, Mahadi bin Maidin, Pudorno bin Binchi, Ibrahim bin Abdul Rahman, Jah Lilawati bte Abdul Jalil dan Haji Md Yusof Thani bin Haji Md Husain.

Pemenang2 dalam peraduan ini akan menerima hadiah berupa wang tunai berjumlah $100.00 bagi pemenang pertama, $75.00 bagi pemenang kedua, $50.00 bagi pemenang ketiga dan $25.00 tiap2 satu bagi pemenang saguhati.

# Permohonan ka-Pusat Tingkatan Enam

BANDAR SERI BEGAWAN.—Jabatan Pelajaran minggu ini sedang membuka permohonan untok memasoki tingkatan enam bawah 1979 di-Pusat Tingkatan Enam.

Permohonan tersebut hanya terbuka kapada penuntut2 dari sekolah2 menengah aliran Melayu dan Inggeris yang telah mendapat kelulusan dalam Pepereksaan Sijil 'Am Pelajaran perengkat biasa.

Pemohon2 yang berhajat untok memasoki pusat tersebut ada-lah di-kehendaki mendapatkan borang2 permohonan dari pengetua2 sekolah. Mereka sakurang2-nya di-kehendaki lulus lima matapelajaran perengkat biasa atau empat matapelajaran perengkat biasa dengan tiga di-antara-nya mesti-lah membolehkan mereka untok mengambil tiga matapelajaran dalam perengkat tinggi (Advanced Level) di-Pusat Tingkatan Enam.

Pemohon2 juga di-kehendaki mempunyai kelulusan dalam Bahasa Melayu atau Pengetahuan Ugama Islam dalam perengkat biasa samada termasok atau tidak dalam sharat di-atas.

Mereka yang mempunyai kelulusan dalam perengkat biasa yang di-kumpolkan dalam dua tahun pepereksaan ada-lah juga di-bolehkan membuat permohonan.

Pemohon2 dari aliran Melayu mesti-lah menghantar permohonan mereka kapada pengetua masing2 tidak lewat dari satu minggu sa-lepas keputusan mereka di-umomkan, manakala bagi pemohon2 aliran Inggeris tarikh permohonan telah pun di-tutop pada 5hb Mach lepas.

## PEMBETULAN KESILAPAN

**DALAM muka 20 ruang satu baris atas keluaran minggu lalu terdapat kesilapan bagi nama YDM Pehin Datu Seri Maharaja, Mufti Kerajaan Brunei, yang sa-benar-nya YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz. Manakala para empat ruang yang sama pertunjokan yang di-perlihatkan oleh penuntut2 Maktab Perguruan Ugama sa-benar-nya ia-lah pertunjokan sembahyang jemaah dan bukan menggapan atau menyempurnakan mayat. — Pengarang.**

# BARISAN TAMAT LATEHAN

BANDAR SERI BEGAWAN.—Dua upachara perbarisan tamat latehan bagi Askar Melayu Diraja dan Pulis Diraja Brunei akan di-adakan dalam bulan ini.

Perbarisan tamat latehan bagi rekrut pengambilan yang ke-46 Askar Melayu Diraja akan di-adakan di-Perkhemahan Bolkiah pada hari Jumaat 9hb Mach.

Sa-ramai 57 orang rekrut Pulis Diraja Brunei bagi pengambilan yang ke-empat dan kelima tahun 1978 akan menamatkan latehan mereka pada 24hb Mach. Perbarisan tamat latehan bagi rekrut itu akan di-adakan di-Padang Pusat Latehan Pulis Jalan Muara mulai jam 7.45 pagi.



SATU rombongan Pelateh2 Teknik Pertanian yang kini menjalani latehan di-Pusat Latehan Pertaniaan baru2 ini telah mengadakan lawatan sambil belajar ka-Bahagian Penyelidekan Musoh Tanam-tanaman di-Steshen Pertanian Kilanas.

Lawatan tersebut bertujuan untok mengenalkan kapada pelateh2 itu lebeh dekat lagi berkenaan dengan musoh2 yang selalu merosakkan tanam-tanaman.

Gambar atas kelihatan pelateh teknik pertanian itu ketika mendengar penerangan Penolong Pegawai Pertaniaan, Bahagian Kaji Musoh Tanam2an, Awang Sabli bin Haji Md Yassin mengenai dengan jenis2 serangga yang menjadi musoh tanam2an. — Gambar ehsan Jabatan Pertanian.

# Permohonan masok pereksa SRPB di-buka

BANDAR SERI BEGAWAN.—Lembaga Pepereksaan sedang membuat persediaan2 bagi mengadakan pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran Brunei bagi kedua2 aliran Melayu dan Inggeris yang akan di-adakan dalam bulan November yang akan datang.

Chalun2 persendirian yang berhajat memasoki pepereksaan ini mesti-lah pernah menghadhiri Tingkatan Tiga dan dapat menunjokkan bukti2 pengajian atau pun di-sokong oleh bekas Pengetua sekolah mereka atau pun Penyelia Pelajaran Dewasa di-pusat2 yang berkenaan.

Borang2 masok pepereksaan boleh di-dapati dari Jabatan Lembaga Pepereksaan, Bandar Seri Begawan, Brunei. Borang2 yang telah di-isi berserta dengan bayaran dan surat2 sokongan atau sijil, mesti-lah di-kembalikan ka-Jabatan Lembaga Pepereksaan tidak lewat daripada 31hb Mach 1979. Borang2 permohonan yang di-terima lewat tidak akan di-layan.

# MAIN CHATOR — PERMAINAN DIRAJA

# GAJAH BERMAIN

OLEH: STEWART WAVELL

**Siri ke-16**

JIKA awda senang dengan permainan Tal minggu lepas, minggu ini saya kemukakan lagi satu permainan Tal. Awda sudah pasti kagum dengan kuasa dua Gajah pada permainan hujong. Sa-banyak2 kelebehan untok di-dapatkan pada permainan pembukaan dan permainan pertengahan, hanya sedikit dapat menandingi perolehan dua Gajah dalam masa awda bergerak ka-penghujong permainan. Pada perengkat permainan pertengahan, Gajah2 itu selalu terhimpit dalam himponan Bidak. Apabila bilangan Bidak berkurangan, awda dapat membayangkan Gajah2 itu menarek nafas panjang lalu melompat-lompat di-kawasan lapang yang terbuka itu.

Orang2 yang baru bermain, dan juga pemain2 peringkat kelab, selalu-nya ragu-ragu samada mengorbankan Gajah untok 'makan' Kuda pada peringkat permainan pembukaan. Kita tahu yang nilai Kuda dengan Gajah ada-lah lebeh kurang sama. Mungkin sama pada peringkat permainan pembukaan tetapi satu kedudokan Kuda pada peringkat permainan pertengahan dapat menjadi maha kuat saperti yang telah awda saksikan. Tetapi peringkat permainan hujong, satu Gajah dapat melurut semua pepenjuru saperti sa-laras mataliur. Ia mempunyai bidang yang lebeh luas daripada satu Kuda. Tetapi terdapat beberapa kechualian. Satu Kuda yang kukoh kedudokan-nya di-tengah2 pada peringkat permainan hujong dapat menjadikan dua Gajah nampak bodoh. Jadi apabila awda membuat keputusan untok melakukan 'makan-memakan', awda mesti-lah mempunyai alasan yang baik untok berbuat demikian. Sa-tiap keadaan ada-lah berlainan. Walau pun begitu, hendak-lah sentiasa di-bayangkan dalam kepala mengenai dua Gajah yang berganding-ganding sambil menembak ka-sepanjang papan-chator. Keadaan begitu sunggoh membimbangkan, dan saperti saya juga, awda akan melakukan apa saja untok mengekalkan Gajah2 itu sahingga ka-akhir permainan. Sekarang permainan Tal!

Dia bermain Hitam melawan Botterill, sa-orang pemain muda bekas juara British. Pembukaan-nya ada-lah Sicilian. Peristewa: peringkat akhir Kejohanan Berpasokan Eropah di-Bath dalam tahun 1973.

1. B-e4 B-c5
2. K-f3 B-e6
3. K-c3 B-a6
4. B-d4 BxB
5. KxB M-c7
6. G-d3 K-f6
7. O-O K-c6
8. K-b3 B-b5
9. G-g5 G-e7
10. M-e2 G-b7
11. T(a1)-e1 B-d6
12. B-a3 B-b4

Hitam mahukan lorong 'b' dan melepaskan kawalan lorong 'a' kapada Puteh.

13. BxB K(c6)xB
14. T-a1 O-O
15. K-a5

Bertujuan untok memusnahkan kedudokan kukoh Gajah, tetapi Gajah ini ada-lah amat berharga kapada Tal.

15. ... G-c8
16. G-c4 T-b8
17. B-f4

Cozens dalam buku-nya yang istimewa berkulit nipis, **Tal Since 1920**, sa-buah buku terbaik mengenai permainan chator yang pernah saya bacha, berkata: "Ada-lah diragukan samada Puteh mempunyai kekuatan untok gerakan di-sebelah bahagian Raja untok membenarkan kemaraan yang agresif ini." Gerak itu nampak-nya biasa sahaja, tetapi pendedahan Raja itu menaikkan selera Tal. Dia gemar kedudokan2 saperti itu.

17. ... B-d5

Peratoran asas permainan chator bagi sa-suatu gerak di-bahagian sayap yang terdahulu di-lakukan daripada masa yang sa-patut-nya ada-lah dengan melakukan satu serangan di-bahagian tengah. Dengan chara apa pun Puteh bermain, Hitam akan mendapat ruang yang luas untok bergerak. Dia juga mendedahkan Gajah-nya.

18. Be-5 G-c5 asah

Dengan gerak ini, ia mengekalkan pasangan Gajah. Dia kemudian-nya dapat melarikan Kuda dengan mudah.

19. R-h1 K-d7
20. G-d3 KxG
21. MxK

Cozens mengulas: "Hitam mengekalkan kedua-dua Gajah-nya dan mempunyai harapan baik untok menambah tekanan. Tetapi sekarang tabi'at Tal yang gelisah dan ingin menduga sa-suatu mendesak-nya melakukan satu gerak yang sa-bilangan kechil sahaja grandmaster berani melakukan-nya."

21. ... TxB!?
22. K-b3

Memagar Tihir itu.

22. ... G-b4
23. K-a2 K-c5!
24. M-d4 G-a3
25. M-c3 M-b6!

Menganchan K-e4 untok mendapatkan Gajah yang satu lagi itu!

26. K-d2

Mempertahankan petak d4 dan membolehkan Menteri menyerang Gajah Hitam. Ini betul-betul satu pertemporan yang sengit.

26. ... TxK
27. TxT G-b4
28. M-b2 B-d4!

Menghalang gerak B-c3 dan membuka pepenjuru panjang untok Gajah Hitam.

29. K-c4 M-b5
30. MxB G-b7
31. B-c3 K-b3!
32. M-d3 G-c5
33. T-d1 B-h6
34. G-h4 G-a8
35. B-h3 B-a5!

Bidak terlepas tetapi terkebelakang sekarang mengembangkan kekuatan-nya sambil ia mara!

36. R-h2 B-a4!
37. M-e2 G-c6
38. K-d6 M-a5!
39. B-f5? MxB
40. G-e7 K-c1
41. TxK MxT
42. GxT G-e3

Sekarang Gajah2 Hitam memulakan tarian ballet mereka. Sasaran anchaman: G-c4! Bidak Puteh menyelang, kemudian M-h1 mat.

43. R-g3 G-g5!

Menganchan M-f4 mat.

44. M-c4 M-e3 asah
45. R-g4 G-h4!

Menganchan mat Menteri pada petak g5.

46. G-e7 GxG
47. KxB! B-h5 asah!
48. RxB G-e8!
49. R-g4 BxB asah
50. RxB B-g6 asah!

Korban terakhir ini langsong meninggalkan Raja Puteh terdedah kapada Gajah2 yang ganas itu.

51. R-g4 G-d7 asah

Puteh menyerah kalah.

**Huraian Masaalah 12**

1. KxB asah, R-g8; 2. K-f6, R-f8; 3. G-g6! menganchan kedua-dua 4. TxB mat dan 4. B-g7 mat, jadi Hitam terpaksa bermain 3. ..., BxB dan menyerah kapala B-h7 ya'ng di-ikuti oleh 5. B-h8 mat.

## MASAALAH 13

**Hitam nampak-nya akan kalah. Sa-lepas kehilangan Gajah ya'ng tidak dapat di-pertahankan, ia terkebelakang dari jumlah buah-chator. Tetapi akhir-nya ia menang!**




Rajah 58




**BERGAMBAR** ramai sa-telah selesai penyampaia'n sijil2 perefik kapada penuntut2 di-Sekolah Menengah Melayu Muhammad 'Alam, Seria.—Kiriman Kelab Foto SMMMA, Seria.

## PIALA MALAYSIA:

# BRUNEI 2 — 0 OLEH PAHANG

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasokan Bolasepak Brunei telah bertemu dengan Pasokan Pahang dalam pertandingan Piala Malaysia, yang telah di-langsongkan di-Padang Besar sini Sabtu lalu.

Dalam perlawanan tersebut Brunei telah tewas 2 gol tidak berbalas. Gol pertama yang di-perolehi oleh Pahang ia-lah dalam sa-paroh masa pertama sementara gol kedua dalam sa-paroh masa kedua.

Terdahulu dari itu pasokan Brunei telah di-tewaskan oleh pasokan Sabah, Singapura, Kelantan dan Melaka; Sementara seri dengan Selangor.

Dalam perlawanan pasokan Brunei dengan Panang Sabtu lalu itu, nampaknya kedua2 pasokan masing2 berazam untok menewaskan lawan-nya. Tetapi pasokan Brunei kurang bernasib baik tidak dapat menembusi pasokan Pahang. Penjaga pintu Brunei, Awg Ali Haji Ismail menunjokkan kebolehannya dan banyak menyelamatkan bola yang bertalu-talu datang-nya dari pehak lawan.

Perlawanan Brunei saterus-nya ia-lah dengan P. Pinang, Johor, N. Sembilan, Perak, Trengganu, Kedah, Perlis, Wilayah Persekutuan dan A.M. Forces.

## Kejohanan Ping Pong Terbuka

BANDAR SERI BEGAWAN. — Badan Sokan dan Olah Raga Persekutuan Guru2 Melayu Brunei akan menganjorkan perlawanan Kejohanan Ping Pong terbuka kapada Orang2 Melayu lelaki Brunei yang memegang kad2 pengenalan berwarna kuning.

Perlawanan tersebut dijangkakan akan di-jalankan pada awal bulan April depan dan di-adakan bagi merebut oskar dan bagi memperingati tarikh pembukaan rasmi Bangunan Guru2 Melayu Brunei. Ianya terbahagi kapada perseorangan dan bergu.

Bayaran untok menyertai perlawanan tersebut ia-lah $2.00 bagi perseorangan dan $4.00 untok bergu.

Borang2 penyertaan sekarang boleh di-dapati daripada Ibu Pejabat PGGMB, Bangunan Guru2 Melayu Brunei; Bahagian Pendidekan Jasmani, Jabatan Pelajaran, B.S.B., Brunei. Awang Nordin bin Haji Kasah: Pusat Tingkatan Enam Gadong, Brunei dan Awang Haji Untong bin Abd Rahman, Sekolah Melayu Sengkurong, Brunei.

Tarikh tutop penyertaan ia-lah pada 17hb Mach 1979 ini.

## J-kuasa tadbir BAAA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Mashuarat Agong Tergempar Persatuan Sokan Amatur Brunei (BAAA) yang telah di-langsongkan di-Pusat Belia sini minggu lalu telah melantek Ahli2 Jawatan Kuasa Tadbir-nya yang baru. Mereka ia-lah: Haji Abdi Manaf bin PDP Haji Abu Bakar (Yang Dipertua), Haji Hussain bin Zainal (Naib Yang Dipertua), Awang Abdul Razak Bungsu (Setia Usaha Kehormat), Awang Basri bin Haji Lahid (Penolong Seria Usaha Kehormat), Awang Muhammad bin Ismail (Bendahari), Awang Tuah bin Nordin (Naib YDP Daerah Brunei/Muara), Awang Zainal Abidin bin Gana (Naib YDP Daerah Tutong) dan Awang A. Sibidol (Naib YDP Daerah Belait).

Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan, YB Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain dan Naib Yang Dipertua Majlis Sokan Brunei, YAM Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana, Pengiran Haji Mokhtar Puteh, telah menyampaikan uchapan mereka masing2 dalam mashuarat tersebut. Dan sa-banyak 30 buah badan2 sokan dari sekolah2, persatuan2 belia dan kelab2 di-negeri ini telah menghadhiri mashuarat itu.

Ada-lah di-fahamkan Jawatan Kuasa Tadbir BAAA yang baru di-lantek itu akan mengadakan mashuarat-nya yang pertama pada 11hb Mach, 1979 ini, mulai jam 9.00 pagi di-Pusat Belia sini bagi membinchangkan ranchangan2 BAAA sa-panjang tahun 1979 ini.

## Juara rentas desa

PUNI, Temburong. — Sekolah Melayu Batu Apoi telah menjadi juara rentas desa kedua2 bahagian lelaki dan perempuan bagi sekolah2 rendah sementara Sekolah Persediaan Bangar menjadi juara dalam bahagian Sekolah2 Menengah Bawah.

Hampir 200 orang murid dari 15 buah sekolah di-Daerah Temburong telah mengambil bahagian dalam perlumbaan tersebut.

Sementara itu, lumba rentas desa bahagian sekolah2 rendah Daerah Tutong pula kedua2-nya telah di-menangi oleh Sekolah Melayu Rambai.

Pemenang2 dalam perlumbaan tersebut mewakili kawasan itu ka-perlumbaan perengkat negeri yang telah di-langsongkan di-Pekan Tutong pada 31hb Februari lalu.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## PEGAWAI GIGI DI-JABATAN PERUBATAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa untok di-lantek ka-jawatan Pegawai Gigi di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

**Kelayakan2 :**

Pemohon2 mesti-lah mem-punyai salah satu daripada ke-lulusan2 yang berikut:—

a) L.D.S./B.D.S. (Singapura) atau
b) B.D.S. (Malaya) atau
c) Sebarang ijazah diploma atau lesen yang di-iktiraf-kan sa-bagai membolehkan ia di-daftarkan oleh General Dental Council di-United Kingdom.

**Pengalaman :**
Chalon2 mesti-lah beberapa tahun pengalaman. Mempu-nyai pengalaman dalam Per-khidmatan Rawatan Gigi ka-Sekolah2 ada-lah merupakan satu kelebehan. Semua butir2 mengenai kerja2 latehan (post graduate work) hendak-lah di-sebutkan sa-masa memohon.

**Tugas2 :**
Tugas2 termasok-lah mem-beri rawatan di-sekolah2, ru-mah2 sakit serta kelinik2 gigi bergerak.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji M. 16— B$2359-2423-2486-2550 - 2614 - 1678-2741 - 2818 - 2894 - 2971 - 3047-3124-3200-3277. Gaji per-mulaan bergantong kapada ke-layakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**
Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kon-trek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tem-poh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah men-jalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kem-balikan bersama2 dengan sa-linan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 26hb April, 1979.

(E/141/63/2 — Bil: 32/1979)

## Jawatan2 Dalam Perkhidmatan Kerajaan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawa-tan2 kosong di-dalam Perkhid-matan Kerajaan Brunei, Bru-nei.

1. PENYELENGGARA SETOR TINGKATAN II: (Jabatan Ukor)

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Pemohon2 mesti-lah mem-punyai pengalaman bekerja sa-bagai Penyelenggara Setor Tingkatan III sekurang2-nya selama 5 tahun, sebaik2-nya menjaga setor barang2 tekni-kal. Chalon2 yang berjaya akan di-kehendaki mengenal-kan serta menggunakan sis-tem "ledger card and bin card" dan mesti-lah mempu-nyai pengalaman yang sesuai dalam teknik2 moden penye-lenggara setor.

Pemohon2 hendak-lah tamat sekurang2-nya Tingkatan III dan tahu membacha dan me-nulis bahasa Inggeris.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji D. 2 EB.3-4—$446-465-485-504-523-542-561/ EB /625-657-689-720-752 - 784-854-880-905-931-956-982-1007.

2. TUKANG KEBUN : (Jabatan Adat Istiadat)

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Pemohon2 mesti-lah ber-umor di-antara 20 dan 40 ta-hun dan mesti-lah tahu menu-lis dan membacha serta mem-punyai pengalaman sa-bagai Tukang Kebun Bunga. Keuta-maan akan di-beri kapada chalon2 yang sedang bekerja di-Jabatan Adat Istiadat Ne-gara, Brunei.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji F. 1-2 EB. 3 — $306-312-319-325-332-338-344-351 /EB/ 357-363-370-376-383.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan Brunei dan hendak-lah di-kem-balikan bersama2 dengan sa-linan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 31hb Mach, 1979.

(E/19/79 — Bil: 15/1979)

## Sa-bagai Merinyu Hal Ehwal Ugama

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawa-tan kosong sa-bagai Merinyu Hal Ehwal Ugama di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

**Kelayakan2 :**

a) Pemohon2 mesti-lah ter-diri daripada orang2 Me-layu berugama Islam dan berumor di-antara 20 35 tahun.
b) Mesti-lah lulus Sijil Ren-dah Pelajaran Brunei de-ngan sharat lulus dalam matapelajaran Pengeta-huan Ugama Islam.
c) Mesti-lah lulus Darjah VI Sekolah Ugama Bru-nei.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji E. 3 EB. 4 — $459-472-485-497-510-523/ EB /536-548-561-574-587-599.

Sa-seorang yang sedang ber-khidmat dengan Kerajaan hen-dak-lah menghantar permohon-an-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan ber-sama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan bo-rang yang boleh di-dapati dari-pada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 21hb April, 1979.

(E/326/72 — Bli: 34/1979)

## TENDER FOR THE SUPPLY OF ONE UNIT COMMUTER BUS 16 SEATER

1. TENDERS will be received by the Chairman Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor of the Government Offices, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon 22nd March 1979 for the supply of One Unit 16 Seater Commuter Bus.

2. The vehicle must be fitted with sliding side door with emergency door at the rear. Must be powered by petrol engine of at least 1600 c.c. The vehicle must be fitted with safety belts at the front seats and also other standard accessories.

3. The vehicle must be painted in Uniform Cream colour with the words "JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN, BRUNEI" painted in black at the sides.

4. Delivery is required as soon as possible but not later than 3 months from the date of the award of the tender.

5. Tenders must be submitted in plain sealed envelopes addressed to the Chairman, Tenders Board, Bandar Seri Begawan and endorsed as follows : —

"THE SUPPLY OF ONE UNIT COMMUTER BUS 16 SEATER TO THE GOVERNMENT PRINTING DEPARTMENT"

There must be no indication of the name of the tenderer on the envelope.

6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## SA-BAGAI KETUA PEMBANTU TEKNIK

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Ke-tua Pembantu Teknik di-Askar Melayu Diraja Brunei, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Mesti-lah mempunyai Higher National Diploma dalam Kejuruteraan Awam dari Maktab yang di-iktiraf atau kelulusan yang sebanding dengan-nya.
b) Mesti-lah mempunyai se-kurang2-nya 6 tahun pe-ngalaman dalam salah satu atau lebeh dari cha-wangan2 berikut : —

Kejuruteraan Awam; Ker-ja2 Bangunan; Ukor Bahan; Kerja2 Mekanik Jentera; Kerja2 Ayer dan/atau Parit & Tali Ayer; Pembenaan (Structural); Kerja2 Saloran Najis dan Kerja2 Jalanraya.

Chalon2 yang berjaya akan bertanggong-jawab terhadap semua perkhidmatan E & M di-salah sa-buah khemah As-kar Melayu Diraja Brunei.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji C. 3-4 EB.5—B$1479-1530-1581-1632-1683-1734 - 1785 - 1836 - 1887 - 1938 / EB / 1989 - 2040 - 2091 - 2142-2193. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**
Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kon-trek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tem-poh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah men-jalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan Brunei dan hendak-lah di-kem-balikan bersama2 dengan sa-linan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 21hb April 1979.

(E/52/79 — Bil: 29/1979)

## Sa-bagai Jururawat Gigi Perchubaan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawa-tan kosong sa-bagai Jururawat Gigi Perchubaan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

**Kelayakan2 :**
Pemohon2 mesti-lah ber-umor antara 17 hingga 28 tahun dan maseh bujang. Me-reka mesti-lah lulus Sijil 'Am Pelajaran Brunei Cambridge (Perengkat Biasa) dalam Ba-hasa Inggeris, Sains dan dua mata-pelajaran yang lain atau yang sebanding.

**Gaji :**
Jururawat Gigi Perchubaan : M. 3 — $395-408-421-434-446-459-472-491-510-529-548 - 567 - 587.

Jururawat Gigi Terlateh : M. 4 EB. 5 — $650-682-714-746-778-810/ EB /880-905-931-956-982-1007-1033.

**Tempoh Perchubaan :**

a) Chalon2 yang terpileh akan di-lantek dalam per-chubaan selama 3 tahun 4 bulan sa-bagai Jururawat2 Gigi Pelajar dan di-kehendaki menjalani late-han di-Sekolah Pergigian Singapura yang mana mengambil masa selama 2 tahun 4 bulan.
b) Sa-telah menamatkan la-tehan di-Singapura Juru-rawat2 Gigi Perchubaan akan di-kehendaki bertu-gas di-Kelinik pergigian Brunei di-bawah penga-wasan Pegawai Pergigian selama satu tahun.
c) Pakaian seragam akan di-beri perchuma dan tempat tinggal akan di-sediakan jika perlu. Jururawat2 Gigi perchubaan akan di-beri Elaon Dhobi dan Chatuan.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kem-balikan bersama2 dengan sa-linan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 24hb April, 1979.

(E/132/62/Pt.2 — Bil : 37/1979)

## Vacancies in Tractors Malaysia Berhad

TRACTORS Malaysia Berhad has immediate vacancies for the following posts to be based in Bandar Seri Begawan.

1. SALES REPRESENTATIVE

Candidates must possess the Cambridge School Certificate with some experience in a marketing organisation.

The Sales Representative will be responsible for the pro-motion, marketing and sale of a wide range of Caterpillar Heavy Equipment in the State of Brunei.

The successful candidate will receive a paid salary of $400.00 per month in addition to sales commission and other fringe benefits.

2. ACCOUNTS SUPERVISOR

Candidates must possess a Diploma in Accountancy or its equivalent. Preference will be given to those with at least 2 years' relevant expe-rience.

The Accounts Supervisor will be responsible for all the accounting duties in the Branch.

Initial salary will be $600.00 per month.

## ELECTRICAL DEPT. TENDER NOTICE

**SERIAL No. 5(AC)79**

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Ten-ders Board at the Office of the State Financial Officer, Government Offices, Bandar Seri Begawan, from registered Grade A, B and C air condi-tioning contractors up until 12.00 noon on Tuesday 17th April, 1979 for the : —

INSTALLATION AND MAINTENANCE OF GOVERNMENT ROOM UNIT AIR CONDI-TIONERS AND DE-HUMIDIFIERS IN THE STATE OF BRUNEI
From 1st June, 1979 to 31st May, 1980

2. Tenders received after the stated time will be rejected.

3. Tenders shall be submitted in a plain sealed envelope with no indication of the tenderer's name or address and shall be marked 'Installation and Main-tenance of Room Unit Air Conditioning'.

4. The Form of Tender in-cluding specification and main-tenance details can be obtained from the Office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

5. The tender deposit is $200.00 which will be refun-ded in receipt of a bona fide tender.

6. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## Di-Jabatan Kastam dan Bea

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawa-tann2 kosong yang berikut di-Jabatan Kastam dan Bea, Brunei.

1. PEGAWAI PEMEREKSA :

**Kelayakan2 :**
Lulus Tingkatan III Ingge-ris atau yang sebanding de-ngan-nya. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon yang mempunyai sijil menunjokkan salah satu matapelajaran-nya ia-lulus dalam Bahasa Melayu atau sekurang2-nya boleh ber-tutor dalam Bahasa Melayu dengan faseh.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB. 4-5 — $370-383-395-408-421-434-446-465-485-504-523 - 542 - 561-625-657-689-720 - 752 - 784 /EB/854-880-905-931-956-982 - 1007-1046-1071-1097-1122.

2. PEGAWAI KASTAM :

**Kelayakan2 :**
Lulus Tingkatan III Ingge-ris atau yang sebanding de-ngan-nya. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai sijil menunjokkan salah satu matapelajaran-nya ia lulus dalam Bahasa Melayu atau sekurang2-nya boleh ber-tutor dalam Bahasa Melayu dengan faseh.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB.4-5—$370-383-395-408-421-434-446-465-485-504-523 - 542-561-625-657-689-720-752 - 784 EB/ 854 - 880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122.

Sa-seorang yang sedang ber-khidmat dengan Kerajaan hen-dak-lah menghantar permo-honan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jaba-tan itu hendak-lah menyerta-kan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kem-balikan bersama2 dengan sa-linan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 24hb April, 1979.

(E/764/72 — Bil: 37/1979)

## Di-Jabatan Pulis Diraja

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawa-tan2 kosong yang berikut di-Jabatan Polis Diraja, Brunei.

1. TUKANG MASAK :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**
Hanya orang2 tinggal ber-dekatan dengan Ibu Pejabat Polis di-Gadong di-kehendaki memohon.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji F. 3-4 EB. 5 — $357-363-370-376-383-389-395-402-408 /EB/414-427-440.

2. TUKANG KEBUN/ PEMBERSEH :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**
Hanya orang2 yang tinggal berdekatan dengan kawasan ini di-kehendaki memohon:—

a) Balai Polis Lapangan Ter-bang Berakas.
b) Balai Polis Muara.
c) Limau Manis.
d) Pusat Latehan Polis.
e) Ibu Pejabat Polis Daerah Penaga.
f) Ibu Pejabat Polis Gadong

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji F. 1-2-3 EB. 4 — $306-312-319-325-332-338-344-351-357-363-370 - 376 - 383/EB/389-395-402-408.

Sa-seorang yang sedang ber-khidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar per-mohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jaba-tan itu hendak-lah menyerta-kan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan bo-rang yang boleh di-dapati dari-pada Jabatan Perjawatan Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 14hb April 1979.

(E/130/62 — Bil: 27/1979)

## Sa-bagai Tukang Kebun Pemberseh

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawa-tan kosong sa-bagai Tukang Kebun/Pemberseh di-Jabatan Perikanan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Pemohon2 mesti-lah ber-umor di-antara 20 dan 45 tahun.

**Tugas2 :**
Chalon2 yang berjaya akan bertanggong-jawab bagi men-jalankan tugas2 berkebun dan memberseh di-halaman Ba-ngunan Peringatan Churchill dan Pejabat2 di-Jabatan Per-ikanan.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji F. 1-2-3 EB. 4 — $306-312-319-325-332-338-344-351-357-363-370 - 376 - 383/EB/389-395-402-408.

Sa-seorang yang sedang ber-khidmat dengan Kerajaan hen-dak-lah menghantar permo-honan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jaba-tan itu hendak-lah menyerta-kan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kem-balikan bersama2 dengan sa-linan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 23hb April 1979.

(E/1302/77 — Bil: 36/1979)

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SA-BAGAI JURUTEKNOLOGI MAKMAL

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Juruteknologi Makmal di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

**Kelayakan2 :**

Pemohon2 hendak-lah mempunyai kelulusan Higher National Diploma atau Certificate dalam mata-pelajaran Makmal Perubatan atau Fellowship of the Institute of Medical Laboratory Sciences atau pun kelulusan yang sebanding.

Keutamaan akan di-beri kapada raayat Brunei dan kapada mereka yang berkelayakan dalam Histology/Cytology.

**Tugas2 :**

Chalon2 yang di-lantek akan berkhidmat di-bawah Pakar Kajipenyakit sama ada di-Hospital Bandar Seri Begawan atau di-Hospital Suri Seri Begawan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji M.11 — B$1390-1454-1517-1581 - 1670 - 1734-1798 - 1862 - 1925 - 1989/ EB/2053-2117-2180-2244-2308. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 28hb April, 1979.

(E/313/79 — Bil: 39/1979)

## Sa-bagai Talipon Opereter

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Talipon Opereter di-Jabatan Penerbangan Awam, Brunei.

**Kelayakan2 :**

Pemohon2 mesti-lah lulus Tingkatan II Melayu atau Inggeris. Keutamaan akan di-beri kapada chalon2 yang mahir berbahasa Inggeris.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 1-2-3 EB. 4 — $357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485 - 497 - 510-523 /EB/ 536-548-561-574-587-599.

**Tugas2 :**

Chalon2 yang berjaya hendak-lah bersedia untok bertugas sa-chara bergilir-gilir, termasok pada waktu malam dan hari2 kelepasan awam jika di-kehendaki.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 25hb April, 1979.

(E/694/75 — Bil: 38/1979)

## KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH

### KUALA BELAIT

SURAT KUASA PESAKA
No. 8/1979

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Jerni anak Dungkong, d/a No. 9, Kampong Buau, Ulu Belait, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Jubang anak Sa yang telah meninggal dunia di-Kuala Belait, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

No. 9/1979

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Jamilah binte Awang Ladi, d/a Awang Abu Bakar bin Puteh, Pejabat Kenderaan Darat, Kuala Belait kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Awang Ajak bin Ahmad yang telah meninggal dunia di-Kuala Belait, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

LETTERS OF ADMINISTRATION
No. 7 OF 1979

APPLICATION to this Court having been made by Ho Chi Oi of No. 72, Jalan Kenanga, Seria, State of Brunei for Letters of Administration to the estate and effects of Le Ten Chau late of Seria, State of Brunei deceased, on the ground that applicant is lawful daughter of the deceased.

No. 10 OF 1979

APPLICATION to this Court having been made by 1. Leong Kuak Moon, 2. Leong Len Wah both of No. 3288, Jalan Tepi, Kuala Belait, State of Brunei for Letter of Administration to the estate and effects of Chin Kiow late of Kuala Belait, State of Brunei deceased, on the ground that applicants are lawful sons of the deceased.

No. 11 OF 1979

APPLICATION to this Court having been made by 1. Liew Voon Sen, 2. Chong Chee Moi @ Choon Chee Mai both of No. 882, Jalan Lubok Palam, Kuala Belait State of Brunei for Probate of the Will to the estate and effects of Chong Liong Chan late of Kuala Belait, State of Brunei deceased, on the ground that applicants are Executors/Executrix and trustees of the deceased.

Notice is hereby given that the above applications will be heard in the Court-house at Kuala Belait on the 8th day of March, 1979 at 9.30 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to attend the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the Court of the High Court, Kuala Belait before the above date.

CHARLIE FOO
*Pegawai Penguasa Warith,*
*Brunei.*

### TUTONG

SURAT KUASA PESAKA
No. 1/1979

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Seriah binte Ismail, d/a Kampong Tanjong Maya, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Ismail bin Eya yang telah meninggal dunia di-Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

No. 2/1979

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Atamah binte Bidin, d/a Kampong Panchor Papan, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Abdul Majid bin Daud yang telah meninggal dunia di-Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kapada si-mati.

No. 3/1979

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Idris bin Adis @ Luleh, d/a Kampong Penapar, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Adis bin Jakar yang telah meninggal dunia di-Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

No. 4/1979

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Abdullah bin Haji Nasar, d/a Kampong Sengkarai, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Nasar bin Tinggal yang telah meninggal dunia di-Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

No. 5/1979

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Samat bin Shim Bee @ Samak bin Simbibi, d/a No. 63 Kampong Pengkalan Dong, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Bibe bin Sim Yow Chong @ Sim Bibi yang telah meninggal dunia di-Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

No. 6/1979

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Yaakub bin Laman, d/a Kampong Sinaut, Tutong kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Lundai binte Bujor yang telah meninggal dunia di-Kuala Belait dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak apada si-mati.

No. 7/1979

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Yaakub bin Mohammad, d/a No. 106A Jalan Bolkiah, Seria kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Mohammad bin Salleh yang telah meninggal dunia di-Tutong dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Tutong pada 13 haribulan Mach, 1979 pada jam 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

CHARLIE FOO
*Pegawai Penguasa Warith,*
*Negeri Brunei.*

## ELECTRICAL DEPARTMENT TENDER NOTICES

No. 36 OF 1979

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 13th March, 1979 for :—

ADDITIONS AND ALTERATIONS TO OUT-PATIENTS' DEPARTMENT, GENERAL HOSPITAL, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 37 OF 1979

TENDERS will be received from Class "AX" and above P. W. D. Brunei registered Earthworks contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 20th March, 1979 for :—

REPAIR AND FILL REDECORATION TO 2 CLASSROOM BLOCKS, OFFICE BLOCK AND GYMNASIUM BLOCK, SULTAN HASSANAL BOLKIAH TEACHERS COLLEGE, GADONG, BRUNEI.

Tender documents may be seen and all particulars obtained at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 38 OF 1979

FRESH Tenders will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 27th March, 1979 for :—

SUPPLY C.I.F. BRUNEI 1 UNIT 6-7 TONS FLAT-BED TRUCK WITH HIAB HOIST.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of the Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 39 OF 1979

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 20th March, 1979 for :—

CONSTRUCTION OF VARIOUS STRUCTURES FOR THE IMPROVEMENT OF OLD HOSPITAL JUNCTION, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 40 OF 1979

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 20th March, 1979 for :—

THE SUPPLY AND DELIVERY OF CRUSHER-RUN STONES TO THE LAMUNIN/RAMBAI ROAD, TUTONG DISTRICT.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 41 OF 1979

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 20th March, 1979 for:—

THE SUPPLY AND DELIVERY OF CRUSHER-RUN STONES TO BANDAR SERI BEGAWAN/JALAN MUARA LINK ROAD THROUGH KAMPONG ORANG KAYA BESAR IMAS, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 42 OF 1979

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 20th March, 1979 for :—

CONSTRUCTION OF ADDITIONAL ONE BLOCK OF THREE STOREY CLASSROOMS FOR S.T.P.R.I., BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

## Sa-bagai Pembahagi Majallah

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Pembahagi Majallah di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Chalon2 hendak-lah berbangsa Melayu, berugama Islam mengikut Mazhab Shafiee Ahli Sunnah Wal-Jemaah.

b) Berumor tidak kurang dari 18 tahun.

c) Chalon2 hendak-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan II dan mempunyai kecherderongan dalam kerja2 membahagi penerbitan kapada pelanggan2.

d) Hendak-lah tahu membacha dan menulis jawi.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 1-2-3 EB. 4 — $357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485 - 497-510-523 /EB/ 536-548-561-574-587-599.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 4hb April, 1979.

(E/18/79 — Bil: 18/1979)

## J.K.R. PEMBERITAHUAN TAWARAN

SERIAL No. KB 1/1979

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada kontraktor Kelas AX sahaja dan ka-atas yang ber-daftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 20hb Mach, 1979 bagi :—

PEMBENAAN LONGKANG BERSEMIN DALAM KAWASAN SUNGAI PANDAN, KUALA BELAIT.

Surat2 keterangan serta butir2 lain boleh di-lihat dan di-dapati di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

SERIAL No. KB 1/1979

TENDERS will be received from Class AX only and above Brunei registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 20th March, 1979 for :—

CONSTRUCTION OF REINFORCED CONCRETE DRAINS IN SUNGAI PANDAN AREA, KUALA BELAIT.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Kuala Belait.

SERIAL No. KB 2/1979

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Kontrektor Kelas B sahaja dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 20hb Mach, 1979 bagi :—

MENGADAKAN PERABOT KAYU SERANGAN BATU KELAS I, II DAN III UNTOK BANGUNAN BARU BAGI RUMAH KERAJAAN DAERAH BELAIT.

Surat2 keterangan serta butir2 lain boleh di-lihat dan di-dapati di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

SERIAL No. KB 2/1979

TENDERS will be received from Class B only and above Brunei registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 20th March, 1979 for :—

THE SUPPLY OF CLASS I, II AND III SERANGAN BATU FURNITURE FOR NEW QUARTERS BELAIT DISTRICT.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Kuala Belait.

## DEPARTMENT OF AGRICULTURE TENDER NOTICE

TENDERS are invited for the supply of the following poultry foodstuffs to the Department of Agriculture :—

| | |
|---|---|
| **Starter Mash/Pellets** | 10 tons and upwards |
| **Growers Mash/Pellets** | 10 tons and upwards |
| **Layers Mash/Pellets** | 20 tons and upwards |
| **Broilers Mash/Pellets** | 10 tons and upwards |

All feeds should be fresh, of good quality, free of contaminants and conform to the analyses given below. Feed should be packed in 40 or 50 kg bags, new and of good quality. Tenderers must be prepared to supply in mixed 5 ton lots on request and deliver to the Sinaut Agricultural Training Centre, Mile 21, Jalan Tutong.

**ANALYSES**

Feeds should be of the following standard (%)

| Analyses | Starter | Grower | Layer | Broiler |
|---|---|---|---|---|
| C. Protein | 20–23% | 15% | 16–18% | 20% |
| C. Fat | 3.5%–4% | 3% | 3.5% | 4% |
| C. Fibre (Max) | 5.0% | 7% | 7.0% | 7% |
| Ash | 8.0% | 10% | 24.0% | 8% |
| Ca. | 1.5% | 1.5% | 4.0% | 1.5% |
| P. | 1.2% | 1.2% | 1.5% | 1.2% |
| Moisture | 13% | 13% | 13% | 13% |

Tenders should be submitted in a sealed envelope marked "Department of Agriculture Poultry Feeds" to the Secretary Brunei State Tenders Board Office of the State Financial Officer not later than noon on Thursday 21st May 1979.

The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SA-BAGAI PEGAWAI PELAJARAN dan GURU

JABATAN Pelajaran mempelawa chalon2 yang mempunyai kelayakan2 yang sesuai untok memenohi jawatan2 Pegawai Pelajaran dan Guru bagi Maktab Perguruan dan Sekolah2 Menengah dan jawatan Guru bagi Sekolah2 Rendah. Mata2 pelajaran yang di-kehendaki ada-lah saperti berikut:—

1. **MAKTAB PERGURUAN:**
   a) Ilmu Hisab
   b) Sains
   c) Ilmu Alam
   d) Sejarah
2. **SEKOLAH MENENGAH:**
   a) Ilmu Hasib
   b) Bahasa Inggeris
   c) Sastera Inggeris
   d) Sains Perengkat Biasa
   e) Sains Paduan
   f) Sains Urusan Rumah Tangga
   g) Ilmu Alam
   h) Sejarah
   i) Ekonomi
   j) Perdagangan
   k) Lukisan Kejuruteraan
   l) Sains Pertanian
   m) Pertukangan Kayu
   n) Pertukangan Logam
   o) Lukisan
   p) Musik
3. **SEKOLAH RENDAH :**

Keutamaan di-berikan kapada chalon2 yang berpengalaman dalam pengajaran Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab dan Sains.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Chalon2 mesti-lah mempunyai sekurang2-nya 5 tahun pengalaman mengajar.

b) Keutamaan di-berikan kapada chalon2 yang mempunyai kelayakan tambahan dalam mata pelajaran2 yang di-ajar.

**Gaji :**

a) **Guru2 Terlateh Tidak Berijazah :—**
T7 — B$746-778-810-880-905 - 931 - 956-982 - 1007 - 1033-1071-1097-1135 /EB/ 1173-1211-1250-1301-1352-1377-1403-1428-1454-1479.

b) **Guru2 Terlateh Berijazah (Ijazah Am) :—**
T8 — B$931-956-982-1007-1033-1071-1097-1135-1173-1211-1250-1301-1352 /EB/ 1403-1454-1505-1556-1607-1658-1709-1760-1181-1862.

c) **Guru2 Terlateh Berijazah (Ijazah Kepujian) :—**
T9 — B$1135-1173-1211-1250-1301-1352-1403-1454-1505-1556-1607-1670- 1709 /EB/1760-1811-1862-1913-1964-2015-2091-2142-2193-2219.

d) **Pegawai Pelajaran —**
Ijazah Kepujian serta kelulusan ikhtisas pendidekan (Diploma atau Sijil Perguruan) dan mempunyai pengalaman mengajar 5 tahun.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji B.2 EB.3 —B$1645-1709-1772-1836-1900-1964-2027 - 2104 - 2180 - 2257 - 2333-2410 - 2486 - 2563 - 2639 - 2716 / EB / 2792 - 2869 - 2945-3022.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

**Sharat2 Lantekan :**

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 21hb April, 1979.

(E/56/60/Pt. 15 — Bil: 31 /1979)

## Penghantar Saman

PERMOHONAN2 ada-lah dipelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan sa-bagai Penghantar Saman di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

**Kelayakan2 :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 17 dan 30 tahun;

b) Mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan II ;

c) Hendak-lah tahu menulis dan membacha jawi.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 1-2-3 EB. 4 — $357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485 - 497 - 510-523 /EB/ 536-548-561-574-587-599.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 14hb April, 1979.

(E/325/72 — Bil: 24/1979)

## Pekerja Luar Penyakit Jiwa

PERMOHONAN2 ada-lah dipelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Pekerja Luar Penyakit Jiwa di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

**Kelayakan2 :**

a) Chalon2 mesti-lah berumor di-antara 18 hingga 25 tahun.

b) Lulus Tingkatan III Melayu atau yang sebanding dengan-nya.

**Jenis Pekerjaan :**

Menyiasat pesakit2 yang mengidap penyakit jiwa, membawa pesakit yang enggan berubat ka-Rumah Sakit, dan menjadi penghubong di-antara pesakit2, anak saudara pesakit dan Pegawai2 Perubatan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji F.2-3-4-5 EB. 6 — $332-338-344-351-357-363-370-376-383-389-395 - 402 - 408-414-427-440 /EB/ 453-465-478-491-504-516.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 12hb April, 1979.

(E/79/79 — Bil: 23/1979)

### TENDER NOTICE

**SPECIAL FLOOR FINISHES (STATIC/NON STATIC DISSEMINATING) FOR PROPOSED HANGAR PHASE II**

TENDERS will be received from suppliers or manufacturers of special hangar floor finishes by the Chairman of Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei up to 12.00 noon 27th March, 1979 for :—

The Supply And Lay of Special Floor Finishes to the Proposed Hangar Phase II at Brunei International Airport.

Tender documents may be obtained from the office of Messrs Bolton Hennessey Cogan & Associates, 146B, Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan from 7th March, 1979 onwards during normal office hours on payment of a Tender Deposit of $200.00 which will be refundable to all tenderers upon the receipt of a bona fide tender and the return of all documents.

Tenders must be placed in the envelope provided and must not bear any identification of the name of the tenderer.

Tenders received after the stipulated time will be rejected.

The Government of Brunei is not bound to accept the lowest or any tender.

### TENDER NOTICE

TENDERS are invited from Registered Contractors for the construction of 4 Kampong Style low cost houses at Luahan Station on the Student Settlement Project Site.

Copies of the plans and specifications for these units may be obtained from the Agriculture Officer i/c Project Luahan, Luahan Station (Tel. 85458) who will also point out the sites for these houses.

Tenders should be submitted under sealed cover marked "Luahan Project Houses—Department of Agriculture Confidential" to the Secretary Brunei State Tenders Board office of the State Financial Officer not later than noon on Taursday March 8th 1979.

The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### DEPARTMENT OF 'ADAT ISTIADAT TENDER NOTICE

TENDERS will be received by the Chairman Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Office, Bandar Seri Begawan, Brunei up to 4.00 p.m. on 21st March 1979 for the supply of : **Approx. 6,500 sq. ft. of wall to wall carpet for Dewan Persantapan Lapau. 1000% Virgin Wool and moth-proofed. Pile weight not less than 2.17 Kg/M2.**

Tenders received after the above date will be rejected.

Supplier(s) should specify the name of manufacturer of trade and country of origin. Prices quoted delivery at Lapau Building, Bandar Seri Begawan. Goods may be imported duty free.

The successful supplier(s) responsible for laying the Carpet on the floor and join them together. This will include the underlay and other necessary outfits. Supplier(s) responsible in providing their own Specialist Carpet Layers and other workers, transport, etc. at no extra cost.

The supplier(s) responsible for the maintenance period of six months of any defect or loose joins or edges which may be occurred during that period.

Tenders must be placed in sealed envelopes and marked "TENDER FOR THE SUPPLY OF CARPET TO DEWAN PERSANTAPAN LAPAU" and there must be no indication on the cover of name of tenderer. The cover must be addressed to:

The Chairman,
Tenders Board,
c/o State Financial Office,
Ground Floor,
Government Office,
Bandar Seri Begawan,
Brunei.

The Government reserves the right to reject the lowest or any tender.

## SA-BAGAI JURUTEKNIK X-RAY PERCHUBAAN

PERMOHONAN2 ada-lah dipelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 sa-bagai Juruteknik X-Ray Perchubaan dan Kesihatan, Brunei.

**Kelayakan2 :**

a) Chalon2 mesti-lah berumor antara 18 hingga 25 tahun maseh bujang dan mesti-lah terus bujang sa-panjang tempoh perchubaan selama tiga tahun.

b) Hendak-lah lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kapada mereka yang berkelulusan tinggi dan boleh menulis dan bertutor dalam bahasa Inggeris.

**'Am :**

Chalon2 yang berjaya di-kehendaki menjalani latehan asas selama tiga tahun di-dalam negeri.

Pakaian seragam di-sediakan dan juga elaun dobi tiap2 bulan akan di-bayar.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji M. 3-4-5 EB. 6 — $395-408-421-434-446-459-472-491-510-529 - 548 - 567-587-650-682-714-746 - 778 - 810-886-905-931-956-982-1007 - 1033/EB/1071-1097-1122-1148 /EB/1173 - 1199 - 1224 - 1250 - 1275-1301.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 28hb April 1979.

(E/299/65 — Bil: 33/1979)

### STATE STORES AND SUPPLIES DEPT. TENDER NOTICE No. 5/79

TENDERS are invited for the supply of the undermentioned items :—

Blankets Nylon size 60" x 80" — 1000 pcs
Blankets Flannelette size 60" x 80" — 500 pcs
White Cotton Sheets size 54" x 90" — 2000 pcs
White Cotton Pillow cases size 20" x 29" — 2000 pcs

Further details of tender are available from the office of the Controller of Government Stores, Jalan Gadong, Brunei during office hours.

Tender closes on Thursday 20th March, 1979.

## MEDICAL DEPARTMENT TENDER NOTICE

TENDERS are invited for the supply of One Unit Vehicle Mounted Fog Generator with ULV attachments and 3 Units ULV Portable Sprayers to the Medical and Health Department Brunei.

a) ONE UNIT VEHICLE MOUNTED FOG GENERATOR WITH ULV ATTACHMENTS

**Specifications :**

| | | |
|---|---|---|
| Engine | — | Two-cycle ILO S 35 3 HP (SAE) |
| Displacement | — | 35 cc |
| Starter | — | externally mounted recoil starter rope and emergency long starter rope and emergency pully. |
| Air volume (noozle) | — | 350 m3/h |
| Air volume (blower) | — | 510 m3/h |
| Air speed at nozzle | — | approx. 95m/sec. |
| Tank capacity | — | 10 1 |
| Fuel tank capacity | — | 1.2 1 |
| Fuel consumption (two-cycle mix 1:25) | — | approx. 1.2 1/h |
| Output (water) | — | approx. 25-125 1/h |
| Reach horizontal/vertical | — | approx. 10/8 m |
| Output with ULV-nozzle (base on water) | — | 2.5-19.2 1/h |
| Dust output | — | infinitely variable to 1.5 kg/min |
| Granule output | — | approx. 0.25-4 kg/min |
| Standard flame head | — | 220.000 kcal/h |
| Special flame head | — | variable from 100.000-220.000 kcal/h |
| "Thermohead" hot air output (flameless) | — | 100.000 kcal/h |
| Weight (as mistblower) | — | 9.3 kg |
| Dimension | — | 625 x 410 x 260 mm |
| DIMENSION | — | Length 0.82 m<br>width 0.64 m<br>Height 0.97 m |
| WEIGHT | — | (empty) 261 kg |
| Maximum formulation throughput 455 1/h Fog Output | — | 425-566 m3/min |

b) 3 UNITS ULV PORTABLE SPRAYERS

2. The date of delivery after an order is placed, the brand and the C.I.F. Brunei price per unit should be clearly stated.
3. Tender must be sent in plain sealed envelope and there must be no indication on the envelope of the name of tenderer.
4. The deposit will be B$100.00.
5. The envelope should addressed to :—

The Chairman,
Tenders Board,
Brunei.

at the office of the State Financial Officer, Brunei before 4.00 p.m. on Monday 19th March 1979 and marked "Supply of ONE UNIT VEHICLE MOUNTED FOG GENERATOR WITH ULV ATTACHMENTS AND THREE UNITS ULV PORTABLE SPRAYERS TO MEDICAL AND HEALTH DEPARTMENT, BRUNEI". Tender received after this time will be rejected.

6. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

TENDERS are invited for the supply of livestock feedingstuffs to the Department of Agriculture in accordance with the specifications set out below.

**COMPOUND CATTLE FOOD :**

To be supplied as meal or pellets.

| | |
|---|---|
| Crude Protein | Minimum 14% |
| Crude Fibre | Maximum 8% |
| Crude Fat | Minimum 3% |
| Calcium | — 1.5% |
| Phosphorus | — 1.5% |
| Vitamin A | Min 12 million I.V. per ton |
| Vitamin D | Min 3 million I.V. per ton |
| Moisture | Not over 13% |

**MAIZE MEAL :**
**(Animal feed grade coarse ground)**

| | |
|---|---|
| Crude Protein | Min. 7% |
| Crude Fibre | Max. 3% |
| Crude Fat | Min. 2% |
| Moisture | Not over 13% |

**RICE BRAN (Animal feed grade)**

| | |
|---|---|
| Crude Protein | Min. 10% |
| Crude Fibre | Max. 12% |
| Crude Fat | Min. 12% |
| Moisture | Not over 13% |

All feeds should be fresh, of good quality and free of contaminants and in respect of cattle feed and maize meal packed in 40 or 50 kg bags of good quality. Tenderers should indicate bag size and quality in respect of rice bran.

The following quantities are required annually.

COMPOUND CATTLE FEED 150 tons and upwards
MAIZE MEAL 25 tons and upwards
RICE BRAN 25 tons and upwards

Tenders must undertake in writing to supply mixed 5 ton lots of the above feeds on request and deliver to the Department of Agriculture Luahan/Jerudong Station.

Tenders enclosed in a sealed envelope marked "ANIMAL FEEDS — Department of Agriculture" should be delivered to the Secretary Brunei State Tenders Board Office of the SFO, Bandar Seri Begawan not later than noon on Thursday 15th March, 1979.

The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

1. PEMANDU/MEKANIK:

**Kelayakan2 :**

a) Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen memandu kelas V.
b) Mesti-lah mempunyai Rekod Memandu yang baik.
c) Mesti-lah mempunyai pengalaman tentang membaiki kerosakan2 kechil.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji F. 3-4-5 EB. 6 — $357-363-370-376-383-389-395-402-408-414-427-440 / EB/453-465-478-491-504-516.

2. PEMANDU TINGKAT I :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Mempunyai lesen memandu Kelas III dan/atau Kelas V dan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu. Mereka mesti-lah pemandu2 yang berpengalaman dan boleh membaiki kerosakan2 kechil.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji F. 3-4-5 EB. 6 — $357-363-370-376-383-389-395-402-408-414-427-440 / EB/453-465-478-491-504-516.

3. PEMANDU TINGKAT II :

**Kelayakan2 :**

Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen memandu dengan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu. Mereka mesti-lah juga pemandu2 yang berpengalaman dan boleh membaiki sebarang kerosakan2 kechil.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji F. 3-4 EB. 5 — $357-363-370-376-383-389-395-402-408 /EB/ 414-427-440.

**Tugas2 :**

Pemohon2 mesti-lah bersedia menjalankan tugas sama ada siang atau malam di-mana2 daerah di-negeri ini.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 26hb April, 1979.

(E/110/73 — Bil: 35/1979)

## Sa-bagai Tukang Kayu

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Tukang Kayu di-Jabatan Askar Melayu Diraja Brunei, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 hendak-lah berumor di-antara 18 hingga 55 tahun mempunyai pengalaman dalam kerja2 pertukangan kayu tidak kurang dari 4 tahun. Keutamaan akan di-berikan kapada pekerja yang telah bekerja dengan Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei di-bahagian 'seluroh chawangan Garrison Engineer.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 2-3 EB. 4 — $408-421-434-446-459-472-485-497-510-523 /EB/ 536-548-561-574-587-599. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 16hb April, 1979.

(E/54/79 — Bil: 30/1979)

## Sa-bagai Pemandu Motor Sangkut

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Pemandu Motor Sangkut di-Jabatan Talikom, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor tidak kurang dari 18 tahun ka-atas dan sekurang2-nya lulus Darjah IV dan boleh menulis dan membacha. Keutamaan akan di-beri bagi pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam menjalankan motor sangkut dan juga boleh membaiki kerosakan2 yang kechil.
b) Pemohon2 mesti-lah sehat dan berbadan tegap, mempunyai penglihatan yang baik dan lulus pepereksaan mata. Pemohon hendak-lah boleh berenang tidak kurang 220 ela dengan chara bebas.
c) Pemohon2 mesti-lah sanggup bekerja di-mana2 daerah yang di-atorkan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji F. 3-4 EB. 5 — $357-363-370-376-383-389-395-402-408 /EB/ 414-427-440.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 14hb April, 1979.

(E/312/79 — Bil: 28/1979)

## TENDER NOTICE
## EDUCATION DEPARTMENT BRUNEI

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the Office of the State Finance Officer, Brunei up to 4.00 p.m. on Wednesday 28th March, 1979 for the supply of the following:—

2 (TWO) TRACTORS COMPLETE WITH GRASS-CUTTING MACHINES.

Tenders submitted must be accompanied with company's catalogues complete with prices and placed in plain envelopes addressed to the Chairman, Tenders Board, Brunei as in para 1 above, and clearly marked "TENDER FOR 2 (TWO) TRACTORS COMPLETED WITH GRASS-CUTTING 'MACHINES."

There must not be any indication on the cover of the name of the tenderer and any tender not properly addressed will be rejected.

Successful tenderer must be able to deliver within 2 months from the date of notification.

Government does not bind itsèlf to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE
## AIR-CONDITIONING AND COLD ROOM INSTALLATION FOR ARMY WORKS, SERIA

TENDERS will be received by the Chairman of Brunei Tenders Board from Registered Air-Conditioning Contractors Class "A and B" only up to 12.00 noon, 27th March 1979 for:—

AIR-CONDITIONING AND COLD ROOM INSTALLATION FOR ARMY WORKS, SERIA

Tender document can be obtained from the office of Messrs Brisma International Consultants, Rooms 27-29, Hongkong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan from 8th March 1979 onwards during normal office hours on payment of a Tender Deposit of $500.00 which will be refundable to unsuccessful tenderer upon the receipt of a bona-fide tender and the return of all documents and drawings.

Tender must be submitted on the Tender Form provided and must reach the office of the Chairman, Brunei Tenders Board, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan not later than 12.00 noon, 27th March 1979. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tenders shall be enclosed in pain sealed envelope marked:—

"TENDERS FOR AIR-CONDITIONING AND COLD ROOM INSTALLATION FOR ARMY WORKS, SERIA."

The Government of Brunei is not bound to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE
## ELECTRICAL INSTALLATION FOR PROPOSED CIVIC CENTRE AT TEMBURONG, BRUNEI

TENDERS will be received by the Chairman of Brunei Tenders Board from Registered Electrical Department Contractors Class "A" or "B" only up to 12.00 noon, 13th March 1979 for:—

ELECTRICAL INSTALLATION FOR PROPOSED CIVIC CENTRE AT TEMBURONG, BRUNEI".

Tender document can be obtained from the office of Messrs Associated Consultants Private Limited, Rooms 27-29, HongKong & Shanghai Bank Chambers, Bandar Seri Begawan from 28th February 1979 onwards during normal office hours on payment of a tender deposit of B$200.00 which will be refundable to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the Tender Form provided and must reach the office of The Chairman, Brunei Tenders Board, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan not later than 12.00 noon, 13th March 1979. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked:—

"TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR PROPOSED CIVIC CENTRE AT TEMBURONG, BRUNEI".

The Government of Brunei is not bound to accept the lowest or any tender.

## Jawatan2 Kosong Dalam Perkhidmatan Kerajaan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong di-dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei.

1. TUKANG MESIN MOTOR SANGKUT :
(Askar Melayu Diraja Brunei)

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 25 hingga 40 tahun.
b) Mempunyai pengalaman sekurang2-nya dua tahun dalam bidang membaiki dan menyelenggara injin2 Motor Sangkut. Pemohon hendak-lah dapat membuktikan kebolehan2 sabagai Mekanik Motor Sangkut.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 3 EB. 4 — $459-472-485-497-510-523 /EB/ 536-548-561-574-587-599.

2. PEMANDU KERETA TINGKAT II :
(Perkhidmatan Pos)

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen memandu yang sah dan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu. Mereka mesti-lah berpengalaman memandu kereta mel dan mengetahui sedikit sa-banyak tentang peratoran2 menghantar dan menerima mel. Boleh membaiki kerosakan2 kechil.

**Tugas2 :**

a) Pemohon2 mesti-lah bersedia untok berkhidmat di-mana2 daerah di-dalam Negeri.
b) Pemohon2 di-kehendaki memandu truck2 mel antara Pelabohan Muara, Bandar Seri Begawan, Lapangan Terbang Antara Bangsa, Kuala Belait dan Seria.
c) Membuat kerja2 memunggah dan mengangkat mel dan menjaga kebersehan dan keselamatan kenderaan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji F. 3-4 EB. 5 — $357-363-370-376-383-389-395-402-408 /EB/ 414-427-440.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 17hb Mach, 1979.

(E/1668/77 — Bil : 6/1979)

## SA-BAGAI PENGAWAS JENTERA

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Pengawas Jentera (Penyelia Kerja Benaan Luar, Projek Padi Kerajaan) di-Jabatan Kerja Raya, Brunei.

**Kelayakan2 Perlu Yang Di-Kehendaki :**

Mempunyai sekurang2-nya 15 tahun pengalaman dalam mengendali, menyelenggara dan membaiki segala jenis jentera berat untok kerja2 mengangkut tanah, termasok sekurang2-nya 5 tahun dalam jawatan penyelia luar menjaga bermacham2 jenis jentera berat. Kebolehan mengawal buroh, meranchang kerja dan menyelia kerja2 meratakan kawasan tanah yang luas ada-lah di-perlukan. Mesti-lah faseh dalam bahasa Inggeris. Kebolehan menyediakan laporan2 ada-lah di-perlukan.

**Kelayakan2 Selanjut-nya Yang Di-Kehendaki, Jika Ada :**

Pengalaman dalam kerja2 pembenaan projek2 tanaman padi di-kawasan taliayer sechara besar2an ada-lah satu kelebehan begitu juga pengetahuan mengenai jentera2 pertanian. Pengalaman bekerja di-negeri tropika ada-lah di-kehendaki dan pengetahuan atau kebolehan untok mempelajari bahasa Melayu ada-lah berguna.

**Umor :** 40-55 tahun.

**Tugas2 :**

Sebagai penyelia luar menjaga dari segala aspek kerja2 menyediakan kawasan taliayer untok sawah2 padi sechara besar2an.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji B. 2 — B $1645-1709-1772-1836 - 1900-1964-2027 - 2104 - 2180 - 2257 - 2333-2410 - 2486 - 2563 - 2639 - 2716. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji satelah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada chukai pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 21hb April, 1979.

(E/33/79 — Bil: 26/1979)

## Di-Pejabat Surohanjaya P'matan Awam

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Pejabat Surohanjaya Perkhidmatan Awam, Brunei.

1. PENYAMBUT/TALIPON OPERETER :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah terdiri daripada chalon2 perempuan.
b) Pemohon2 mesti-lah lulus pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.
c) Berumor di-antara 18 hingga 25 tahun.
d) Keutamaan akan di-beri kapada chalon yang tahu berbahasa Inggeris.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 1-2-3 EB. 4 — $357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485 - 497 - 510-523 /EB/ 536-548-561-574-587-599.

2. PENYELENGGARA SETOR TINGKATAN III :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah lulus pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 1-2-3 EB. 4 — $357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485 - 497 - 510-523 /EB/ 536-548-561-574-587-599.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 12hb April, 1979.

(E/1149/77 — Bil: 25/1979)

## TENDER NOTICE
## KUALA BELAIT WATER SUPPLY — STAGE II CONTRACT No. 4 — PUMPING PLANT

TENDERS are invited from suitably qualified firms for the supply and supervision of erection of a 50 HP submersible pump installation in an existing pumphouse at the Government Water Treatment Works at Seria.

Tender documents are obtainable from the Consulting Engineer Messrs Watson (S.E. Asia) either from their office at 40 Hongkong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan or from their Singapore office 27th Floor, DBS Building, 6 Shenton Way, Singapore. Documents will be issued only to firms who have had previous experience in supplying and installing pumping installations of more than 50 HP or to authorised agents of such firms.

Application for the documents must be accompanied by a Tender Deposit in the form of a crossed cheque for B$500 payable to the Government of Brunei. The deposit will be refunded to all Tenderers who submit a bona-fide tender.

Tenders are to be submitted to the Chairman of the Tenders Board not later than 12.00 noon on 2nd April 1979.

## TENDER NOTICE
## HELICOPTER NIGHT LANDING FACILITIES AT GADONG POLICE STATION

TENDERS will be received by the Chairman of Brunei Tenders Board from registered Electrical Contractors Class "B" and above up to 12.00 noon, 10th April 1979 for:—

HELICOPTER NIGHT LANDING FACILITIES AT GADONG POLICE STATION.

Tender documents can be obtained from the office of Messrs Associated Consultants Private Limited, Rooms 27-29, Hongkong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan from 14th March 1979 onwards during office hours on payment of a tender deposit of B$200.00 which will be refundable to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona-fide tender and the return of all documents and drawings.

Tender must be submitted on the Tender Form provided and must reach the office of the Chairman, Brunei Tenders Board, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan not later than 12.00 noon, 10th April 1979. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tenders shall be enclosed in a plain sealed envelope marked:—

"TENDER FOR HELICOPTER NIGHT LANDING FACILITIES AT GADONG POLICE STATION"

The Government of Brunei is not bound to accept the lowest or any tender.



AHLI2 Lembaga Penasehat Pusat Latehan Pertanian Sinaut telah meninjau projek pertanian yang di-usahakan oleh lepasan pelateh2 dari Pusat Latehan Pertanian Sinaut baru2 ini.

Lawatan tersebut di-buat sa-telah mashuarat Lembaga itu yang di-adakan di-Pusat Latehan Pertanian pada 21hb Februari yang lalu.

Gambar atas menunjokkan ahli lembaga itu (dari kiri) Awang J.St.J. Groome, Awang K. S. Atkinson, Datin Hajjah Jusnani bte Haji Lawie, Awang R.B. Woodroofe dan Awang Hamid bin Jaafar ketika mendengar penerangan Pegawai Pertanian, Awang Ahmad bin Rani mengenai dengan rangka2 projek yang telah dan sedang di-jalankan di-kawasan tersebut. — Gambar ehsan Jabatan Pertanian.

Dari muka 1

mendapat lima keridet, 79 orang mendapat empat keridet dan 97 orang mendapat tiga keridet sementara 199 orang mendapat dua keridet ka-bawah.

Sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkiah yang mengemukakan 21 orang chalun telah mengatasi kelulusan yang di-chapai oleh empat buah sekolah menengah yang lain dengan jumlah lulus 85.71 peratus, MMPSBS dan Sekolah Sains Jalan Muara 71.28 peratus lulus, SMM Muda Hashim 68.80 peratus lulus, SM SMJA 35.35 peratus lulus sementara semua chalun2 PTE yang hanya mengambil satu matapelajaran telah gagal.

Bagi chalun2 persendirian pula peratus lulus chuma 33.43 peratus ia-itu berkurangan dari yang di-chapai pada tahun 1977 ia-itu 53.00 peratus. Ini chuma 223 chalun lulus dengan mendapat tiga mata-pelajaran keridet.

(Keputusan penoh nama2 chalun yang lulus dengan sa-kurang2-nya tiga matapelajaran keridet bagi Sijil 'Am Pelajaran Singapura/Cambridge perengkat biasa dan Sijil Brunei/Cambridge perengkat tinggi akan di-keluarkan dalam keluaran PELITA BRUNEI minggu depan).

# PELUANG UNTOK MELANJUTKAN PELAJARAN KELUAR NEGERI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran minggu ini mengumomkan bahawa permohonan2 ada-lah di-pelawa untok di-pertimbangkan bagi mendapatkan dermasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi mengikuti kursus2 ijazah, iktisas atau sa-paroh iktisas di-seberang laut mulai tahun 1979.

Peluang untok permohonan tersebut ada-lah di-buka kapada pemohon2 yang terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan mempunyai kelulusan akedemik dalam mata-pelajaran bahasa Melayu di-perengkat biasa atau G.C.E. (O-level) atau yang sa-banding dengan-nya.

Pemohon2 juga ada-lah di-kehendaki lulus untok memenohi sharat yang lazim bagi memasoki kursus yang di-pohonkan:

a) Bagi kursus ijazah dan iktisas mereka mesti-lah lulus S.A.P./G.C.E. sa-kurang2-nya DUA mata-pelajaran di-perengkat lanjutan (A-level) dan TIGA mata-pelajaran di-perengkat biasa (O-level) yang boleh di-kumpolkan dalam dua tahun berturut-turut serta tertaklok kapada kehendak penerimaan daripada tempat2 yang di-pohonkan atau

b) Bagi kursus2 sa-paroh iktisas pemohon2 mesti lulus S.A.P./G.C.E. di-perengkat biasa sekurang2-nya dalam empat mata-pelajaran yang boleh di-kumpolkan dalam dua tahun berturut-turut serta tertaklok kapada kehendak penerimaan daripada tempat2 yang di-pohonkan.

Sa-tiap pemohon ada-lah juga di-kehendaki bersedia patoh kapada peraturan2 yang sedang dan yang akan di-tentukan oleh Kerajaan melalui Jawatan-kuasa Dermasiswa.

Pemohon2 yang memenohi sharat untok di-pertimbangkan akan di-temuduga pada suatu masa yang akan di-tentukan kemudian. Pelawaan ini ada-lah juga termasok untok pemberian dermasiswa oleh Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad.

Borang2 permohonan boleh di-dapati daripada Ketua Pegawai Dermasiswa dan Kesejahteraan, Jabatan Pelajaran di-ibu-negeri. Permohonan2 hendak-lah sampai ka-pejabat berkenaan tidak lewat pada 25hb Mach, 1979. Sa-barang kelewatan permohonan tidak akan di-layan.

Jenis2 kursus yang di-tawarkan itu akan di-iklankan dalam keluaran minggu depan.

# CHERAMAH KESIHATAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-orang pakar bedah dari Rumah Sakit Middlesex, London yang juga Setiausaha Persatuan Ahlibedah2 Great Britain dan Ireland, Awang Adrian Marston telah membuat lawatan sengkat ka-negeri ini untok memberikan cheramah kesihatan-nya yang kedua.

Cheramah tersebut yang merupakan siri Cheramah2 Siswazah Lanjutan Antarabangsa telah di-adakan di-Dewan Peringatan Churchill di-sini pada malam 19hb Februari lepas dengan tajok "Pendekatan doktor bedah terhadap limpoma, harapan baru untok kanser kilang limpa" dengan di-hadhiri oleh doktor2, jururawat2 dan ahli2 perubatan dari ibu negeri, Kuala Belait dan Seria.

Awang Marston yang mengetuai sa-kumpolan yang mengandongi 70 orang ahlibedah dari Britain untok menghadhiri perjumpaan bagi Ahlibedah2 Maktab Diraja Orang2 Australia di-Perth dan kemudian-nya membuat lawatan ka-Sydney dan Auckland.

Dalam perjalanan pulang, Awang Marston telah singgah ka-negeri ini untok memberi cheramah berkenaan. Beliau pernah bekerja di-Sudan dan Brazil, dan amat tertarek dengan taraf bekerja yang tinggi dan layanan yang memuaskan yang di-perolehi di-beberapa buah rumah sakit di-negeri ini.

Awang Marston menyatakan harapan agar dengan ada-nya pertalian dengan Rumah Sakit Middlesex dan St. Thomas di-mana beliau menjalani latehan2 akan dapat memberikan kapada mereka yang ingin mendapatkan latehan2 tanpa ijazah dan siswazah lanjutan di-Britain nanti.

Sementara itu sa-orang pakar doktor sakitpuan di-Rumah Sakit ibu-negeri telah menerima kornia Fellowship of the British Royal College (FBRC) dalam doktor perbidanan dan doktor sakitpuan.

Pengorniaan saperti itu hanya di-berikan kapada pakar2 kanan bagi menghargai usaha2 mereka yang menggalakkan, dan telah juga pernah di-berikan kapada Dr. Catherine Lamplugh sa-orang pakar kanan doktor perbidanan dan doktor sakitpuan.

# Keputusan Sijil Perdagangan TMI (M) S'pura Dis. 1978

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 2,285 orang chalun yang telah mendudoki pepereksaan Sijil Perdagangan Trengkas Melayu Institiut (M) Singapura bagi bulan Disember, 1978 telah lulus di-berbagai mata-pelajaran perengkat permulaan, menengah dan tertinggi.

Mereka ada-lah dari jumlah 2,932 orang yang telah mendudoki pepereksaan tersebut yang di-jalankan di-empat belas buah pusat seluroh negeri.

Pepereksaan tersebut di-anjorkan oleh Trengkas Melayu Institiut (M) Singapura dan di-kelolakan oleh Bahagian Pelajaran Dewasa Jabatan Pelajaran.

Dari jumlah yang lulus itu 669 orang chalun lulus dalam menaip permulaan di-aliran Melayu dan 98 orang di-aliran Inggeris.

571 orang di-aliran Melayu dan 51 orang di-aliran Inggeris telah lulus menaip perengkat menengah dan 655 orang chalun aliran Melayu serta 40 chalun aliran Inggeris lagi lulus menaip perengkat tertinggi.

Dalam ujian menaip pantas perengkat tertinggi sa-ramai 34 orang chalun di-aliran Melayu dan sa-orang di-aliran Inggeris yang mendudoki kesemua-nya gagal.

Sementara itu 41 orang chalun aliran Melayu dan lapan orang chalun aliran Inggeris lulus perengkat permulaan trengkas, 48 orang aliran Melayu serta enam orang aliran Inggeris lulus di-perengkat menengah dan 40 orang yang lain di-aliran Melayu serta sa-orang aliran Inggeris lulus di-perengkat tertinggi.

Bagi ujian kepantasan trengkas pula tiga orang chalun aliran Melayu telah lulus. Dua orang perengkat junior dan enam orang perengkat senior masing2 telah lulus dalam mata-pelajaran Steno Melayu.

Tujoh orang chalun aliran Inggeris dan enam orang chalun aliran Melayu lulus di-perengkat menengah simpan kira2 serta sa-orang chalun aliran Melayu dan 16 orang chalun aliran Inggeris lulus perengkat menengah.

Dari muka 1

itu mesti-lah mempastikan bahawa sharat2 khas tanah mereka ada-lah menurut skim tersebut.

Jika tidak, mereka boleh-lah memohon kapada Pegawai Tanah Kanan bagi penukaran sharat2 khas tanah. Permohonan2 mereka seterus-nya akan di-hadapkan ka-Majlis Menteri2 untok mendapatkan kebenaran. Mereka juga di-kehendaki menghantar satu salinan permohonan kapada Pehak Berkuasa Kawalan Kemajuan.

Pemilek2 tanah ada-lah di-ingatkan bahawa Pehak Berkuasa tidak akan dapat meluluskan pelan2 bangunan sa-hingga sharat2 khas telah di-tukar mengikut skim peranchangan.

Pehak Berkuasa berharap kebenaran Skim Kemajuan Peranchangan Jalan Gadong ini akan membawa kapada kemajuan yang lebeh terator dan menarek bagi kawasan tersebut.



Dato J. Cordingley



Awang Peter Everett

# Pengarah Urusan SMSB yang baru

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bekas Pengarah Urusan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Dato John Cordingley telah berlepas ka-London pada hari Jumaat lalu sa-telah berkhidmat dengan sharikat itu sa-lama empat tahun. Beliau di-sertai oleh isteri-nya Datin Noni Cordingley.

Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British, Awang Arthur Watson dan isteri-nya serta Peguam Negara, YAM Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pg Haji Abas ada-lah di-antara pegawai2 Kanan Kerajaan dan Sharikat Shell yang berada di-lapanganterbang untok menguchapkan selamat belayar kapada Dato dan Datin Cordingley.

Dato Cordingley yang menjadi Pengarah Urusan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad sejak tahun 1974 akan menjawat jawatan baru dengan Sharikat Minyak Shell Antarabangsa di-London. Sa-belum datang ka-sini beliau pernah berkhidmat di-Venezuela, Colombia, Nigeria, Netherlands dan Pakistan.

Jawatan Pengarah sekarang di-ambil aleh oleh Awang Peter Everett yang sa-belum ini pernah berkhidmat di-sini dua kali. Beliau telah berkhidmat dengan SMSB dari tahun 1961 hingga 1963 sa-bagai Jurutera Minyak dan Jurutera Penghasilan. Beliau kembali lagi sekali dalam tahun 1970 hingga 1972 untok bertugas sa-bagai Jurutera Pengerak Kanan dan Ketua Jurutera Minyak.

Awang Everett mula berkhidmat dengan Sharikat Minyak Shell dalam tahun 1955 dan pernah bertugas di-Indonesia, Trinidad dan Nigeria.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.